



BULETIN KHAS

Maal Hijrah



MAAL HIJRAH
1447H / 2025M

Membangun
UMMAH MADANI

Hijrah Jiwa



Oleh :

Dr. Mohamed Nazreen Shahul Hamid

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP),
Universiti Utara Malaysia

Dalam redup fajar yang syahdu,
Langit melakar warna rindu,
Tahun berganti dalam bisu,
Hijrah bermula di kalbu yang khusyuk.

Langkah pertama bukan mudah,
Berliku jalan, penuh musibah,
Namun hati teguh pasrah,
Berpaut pada cinta Allah.

Hijrah bukan sekadar jejak,
Tapi nyala iman yang menyemarak,
Dari gelita menuju terang,
Dari alpa menuju tenang.

Maaf ubah haluan,
Tinggalkan noda dan kelam zaman,
Hijrahkan diri, hijrahkan fikiran,
Menuju reda dan keampunan.

Maaf Hijrah, detik permulaan,
Bukan hanya perayaan,
Tapi seruan untuk perubahan,
Menuju hidup penuh keimanan.

Isi Kandungan

Ruletin Khas
Maal Hijrah
1447 H 2025 M

TAJUK	PENULIS	
HIJRAH SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN UMMAH MADANI	Khairul Azman Azizan	01
CABARAN DAN UJIAN DALAM BERHIJRAH	Datin Norliah binti Sajuri	03
HIJRAH DAN PEMBINAAN PERADABAN MADANI	Mohammad Akmal bin Abd. Aziz	05
HIJRAH DAN PEMBANGUNAN UMMAH	Khairani binti Husin	07
DARI MAKKAH KE MADINAH: TRANSFORMASI MASYARAKAT ISLAM	Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof	09
CABARAN MODEN DALAM MEMBENTUK UMMAH MADANI	Majdi bin Mohamad Nor	11
DAKWAH DAN KEPIMPINAN: MENGERAKKAN PERUBAHAN SOSIAL	Mohammad Zaki bin Yahpar	13
ZAKAT DAN WAKAF: TONGGAK PEMBERDAYAAN MASYARAKAT	Dr. Muhammad Yamin bin Ismail	17
PERANAN MASJID SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN UMMAH	Dr. Muhamad Zakuwa bin Rodzali	19
INTEGRITI DAN AMANAH DALAM PENTADBIRAN ISLAM	Mazlina binti Jalani	21
TEKNOLOGI DAN DIGITALISASI: PELUANG ATAU ANCAMAN KEPADA UMMAH?	Nurul Widyamirza binti Sujan@jan	23

Sidang Redaksi

1

Penaung

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Ketua Pengarah JAKIM

2

Penasihat

Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

3

Ketua Pengarang

Azman bin Mat Hassan
Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM

4

Pengarang

Khairul Azman bin Azman

5

Pen. Pengarang

Mohd Zaki bin Abdullah Shokri

6

Pen. Pengarang

Adryana Nur Maisarah binti Nor Hafizi

7

Penyunting

Mohamad Zahir bin Abdul Halim

8

Pengurus Edaran

Sirajuddin bin Irfan bin Mohd Ismail

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

27-09-26 07:09:33

HIJRAH SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN UMMAH MADANI



Oleh:

Khairul Azman Azizan
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan, JAKIM


Hijrah bukan sahaja merujuk kepada perpindahan secara zahir Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dari Makkah ke Madinah tetapi ianya adalah merupakan asas kepada pembentukan sebuah masyarakat yang tersusun, harmoni dan berasaskan prinsip-prinsip keadilan, persaudaraan serta keimanan. Prinsip-prinsip tersebut menjadi asas utama bagi pembentukan ummah madani.

Nabi Muhammad SAW dan para sahabat menghadapi penindasan hebat dari kaum Quraisy di Makkah yang menentang ajaran Islam. Perpindahan ke Madinah memberikan peluang untuk membina sebuah masyarakat Islam yang aman dan berdaulat, di mana nilai persaudaraan, keadilan, dan musyawarah menjadi teras utama. Setibanya di Madinah, Rasulullah SAW membina sebuah masyarakat yang dikenali sebagai ummah madani, yang berteraskan konsep al-ummah dan Al-Madinah. Al-ummah merujuk kepada komuniti yang bersatu atas dasar persamaan (*al-musawah*), keadilan (*al-'adalah*), dan permusyawaratan (*al-syura*), manakala Al-Madinah adalah manifestasi fizikal masyarakat tersebut. Perjanjian Aqabah antara Nabi dan penduduk Madinah (*Ansar*) menjadi asas kepada perpaduan dan sokongan yang kukuh untuk membangunkan masyarakat Islam yang harmoni dan berdaya maju.

Masjid Quba' yang dibina sejurus selepas hijrah, menjadi pusat aktiviti keagamaan, sosial dan politik. Masjid bukan sahaja tempat beribadah, tetapi juga pusat pendidikan, perundingan, dan pengurusan masyarakat. Ini menunjukkan bagaimana institusi keagamaan menjadi tulang belakang kepada pembangunan masyarakat madani yang berteraskan nilai-nilai Islam dan keadilan sosial. Justeru itu, hijrah ini bukan sahaja mencipta sejarah, tetapi ia juga memberi panduan yang relevan untuk membangunkan ummah madani pada zaman moden.

HIJRAH DALAM KONTEKS UMMAH MADANI

Dalam konteks pembangunan ummah madani, hijrah menjadi simbol perubahan rohani dan sosial yang membawa kepada kesejahteraan sejagat. Ummah madani merujuk kepada sebuah masyarakat yang maju dan sejahtera, yang mengutamakan nilai-nilai moral, keadilan, dan kepimpinan berintegriti. Oleh itu, hijrah sebagai asas pembangunan ummah madani harus dilihat dari tiga perspektif utama iaitu:



01

Hijrah dalam Konteks Perubahan Diri

Hijrah mengajar kita tentang pentingnya perubahan dalam diri, iaitu meninggalkan segala bentuk keburukan dan kemungkaran untuk menuju kepada kehidupan yang lebih baik dan lebih bertanggungjawab sebagaimana firman Allah dalam surah At-Taubah, ayat 20 yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa raga mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberikan minuman kepada orang yang mengerjakan haji dan orang yang memakmurkan masjid semata-mata). Dan mereka itulah orang yang berjaya."

Ayat ini menggambarkan bahawa hijrah adalah salah satu langkah penting dalam meningkatkan darjat di sisi Allah. Dalam konteks pembangunan ummah madani, hijrah ini boleh diterjemahkan sebagai usaha setiap individu untuk memperbaiki akhlak, meningkatkan iman, dan berusaha untuk menjalani kehidupan yang lebih beradab.

Perubahan positif dalam diri individu ini akan memberikan impak yang besar terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Masyarakat yang terdiri daripada individu yang baik dan bertanggungjawab akan membentuk asas yang kukuh untuk kemajuan dan kesejahteraan bersama.

Hijrah juga membawa kita kepada pembentukan masyarakat yang adil dan saksama. Di Madinah, Nabi Muhammad SAW membentuk sebuah masyarakat yang berbilang bangsa dan agama, namun tetap teguh dalam nilai-nilai Islam yang mengutamakan hak asasi, persaudaraan, dan tolong-menolong.

Prinsip-prinsip ini penting dalam membangunkan masyarakat madani hari ini. Dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama, prinsip keadilan, kesaksamaan, dan perpaduan haruslah diterapkan untuk memastikan semua pihak mendapat hak yang sepatutnya tanpa sebarang diskriminasi. Allah berfirman dalam surah Al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud:

"Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan pelbagai suku agar kamu saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)! Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya."

Ayat ini mengajarkan kita tentang kepelbagaian kaum dan bangsa serta pentingnya nilai persaudaraan dalam masyarakat. Dalam konteks pembangunan ummah madani, ia menekankan pentingnya kerjasama antara pelbagai lapisan masyarakat demi mencapai kesejahteraan bersama.

Hijrah juga perlu dilihat dalam konteks perkembangan teknologi dan globalisasi. Pembangunan ummah madani tidak hanya terhad kepada aspek spiritual dan sosial, tetapi juga melibatkan kemajuan dalam bidang pendidikan, teknologi, dan ekonomi. Ummah madani perlu berdaya saing di peringkat global tanpa mengabaikan nilai-nilai moral dan agama. Pada zaman kini, teknologi moden merupakan bidang ilmu baharu yang perlu diterokai bagi meningkatkan kemajuan masyarakat. Kepentingan ilmu ini dinyatakan dalam al-Quran seperti mana firman Allah SWT dalam surah Al-'Alaq, ayat 1-5 yang bermaksud:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan (sekalian makhluk). Dia menjadikan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah dan Tuhanmu jualah yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya."

Ayat ini menekankan kepentingan ilmu sebagai asas pembangunan masyarakat. Dalam konteks dunia moden, ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi adalah kunci untuk kemajuan, dan ummah madani harus memanfaatkannya untuk kebaikan bersama.

Kesimpulan

Hijrah adalah sebuah simbol transformasi yang besar, dan ia seharusnya menjadi asas dalam membangunkan ummah madani yang berdaya saing, adil, dan sejahtera. Dalam setiap langkah pembangunan, nilai-nilai yang terkandung dalam peristiwa Hijrah seperti perubahan positif dalam diri, keadilan sosial, dan perpaduan harus dijadikan pedoman utama. Untuk membina sebuah ummah yang maju dan harmoni, penghijrahan ke arah yang lebih baik amat diperlukan sama ada dari aspek rohani, sosial, mahupun intelektual.

Tuntasnya, hijrah Rasulullah SAW adalah asas penting dalam pembangunan ummah madani kerana ia menandakan perpindahan dari masyarakat yang berpecah-belah kepada masyarakat yang adil, bersatu, dan berperadaban. Nilai-nilai yang terbit daripada hijrah seperti persaudaraan, keadilan, dan musyawarah kekal relevan sebagai panduan dalam membina masyarakat moden yang sejahtera dan berdaya tahan, termasuk dalam konteks Malaysia Madani hari ini.



CABARAN & UJIAN *dalam* Berhijrah

Oleh :
Datin Norlia binti Sajuri
Pegawai,
Bahagian Pendidikan, JAKIM

Peristiwa Hijrah Rasulullah SAW merupakan satu titik perubahan besar dalam sejarah Islam. Meskipun ia berlaku lebih 1400 tahun yang lalu, namun nilai hijrah, semangat dan pengajarannya yang terkandung dalam sejarah hijrah tetap relevan untuk dihayati sehingga ke hari ini. Hijrah menandakan permulaan era baru dalam sejarah Islam dengan nilai-nilai pengorbanan, perjuangan, persaudaraan dan keberanian menjadi tunjang dalam pembentukan masyarakat yang adil dan sejahtera. Dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar ini, semangat hijrah membawa inspirasi yang mendalam untuk membina kehidupan yang lebih bermakna.

Ramai dalam kalangan kita mempunyai hasrat dan impian untuk berhijrah, memperbaiki diri, bercita-cita untuk meninggalkan dosa atau tabiat buruk dan berazam menjadi manusia yang lebih baik serta beramal soleh. Berapa ramai yang memasang pelbagai azam baharu setiap kali kedatangan tahun baharu sama ada tatkala tibanya perubahan tahun miladi atau hijri atau apabila tiba bulan Ramadan misalnya. Namun, di hujung tahun azam hanya tinggal azam. Ketika Ramadan berakhir tiada perubahan yang berlaku di dalam diri. Segalanya padam dan luntur dibawa arus masa yang kian berlalu pergi. Cita-cita dan azam yang ditanam telah terkubur tanpa tanda.

Inilah kita. Bukan sedikit daripada kita ingin menjadi lebih baik dari keadaan sebelumnya, tetapi niat murni kita itu selalu tersekat dan hasrat berhijrah akhirnya gagal tanpa diketahui apa puncanya.

Apakah cabaran dan ujian untuk berhijrah? Kenapakah begitu sukar untuk berhijrah ke arah membentuk tabiat yang baik? Mengapa sangat susah untuk kekal istiqamah dalam membuat perubahan?

Cabaran Dalam

Berhijrah sama ada secara fizikal iaitu perpindahan dari suatu tempat ke tempat lain atau hijrah secara spiritual yang melibatkan perubahan ke arah suatu yang lebih baik, sering kali penuh dengan cabaran dan ujian. Cabaran berlaku di mana-mana dan kepada sesiapa sahaja sama ada luaran atau dalaman. Antara cabaran utama yang mungkin dihadapi dalam proses penghijrahan adalah cabaran dalaman. Cabaran dan ujian dalaman ini datang dari dalam diri manusia itu sendiri. Ketakutan dan keraguan merupakan cabaran kepada perasaan yang sering timbul di dalam hati individu yang berhijrah. Rasa takut kepada kegagalan, kehilangan atau ketidakpastian masa hadapan. Perasaan tidak yakin dan tidak bersedia menghadapi perubahan yang pasti menerpa alam kehidupan yang baharu.

Memang benar kenyataan bahawa dalam perjalanan hijrah, terdapat banyak godaan dan ujian terhadap iman. Ada rintangan yang mencabar keteguhan hati, kesabaran dan istiqamah dalam kebaikan. Ada banyak bisikan yang mengajak untuk kembali kepada kebiasaan lama atau dosa mahupun tabiat buruk sehingga individu itu ragu-ragu untuk meneruskan perjuangan. Di sana ada kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam proses penghijrahan yang memerlukan strategi, pengorbanan, perjuangan, motivasi dan kesungguhan untuk mengadaptasi diri dengan suasana baharu dan bersedia sama ada dari segi fizikal, mental dan emosi. Cabaran dari dalam diri ini begitu sukar untuk diatasi.

Selain itu, dalam hijrah juga ada cabaran persekitaran. Ujian seringkali datang dari mereka yang paling rapat dengan seseorang individu. Penolakan atau kurang sokongan ahli keluarga atau rakan yang mungkin tidak memahami proses perubahan yang sedang dilakukan, boleh memberikan tekanan untuk kembali kepada kebiasaan lama. Sehubungan dengan itu, orang yang mahu berubah daripada sikap negatif kepada positif, mesti berdoa dan paksa diri untuk berhijrah meninggalkan kawan-kawan yang negatif kepada kawan-kawan yang positif atau baik. Ini kerana gambaran diri kita akan terpancar daripada sikap dan tingkah laku rakan yang sentiasa kita dampingi.

Tidak dinafikan, pandangan negatif masyarakat juga adakalanya ada implikasi besar khususnya dalam era pengaruh media sosial yang tegar. Perubahan ke arah kebajikan kadang-kadang dipandang sinis atau dipertikaikan oleh orang sekeliling. Sehubungan itu, dalam proses hijrah, antara elemen penting adalah mendapatkan lingkungan baharu, komuniti atau rakan-rakan yang mempunyai aspirasi yang serupa dan mereka yang menjadi pembakar semangat untuk terus berjuang serta menyokong perubahan tersebut.

Cabaran Ekonomi dan Material

Dalam hijrah, ada kalanya seseorang individu itu terpaksa menghadapi masalah kehilangan sumber pendapatan terutamanya jika penghijrahan melibatkan perubahan kerjaya atau tempat tinggal. Ini boleh membawa kepada risiko kewangan. Perpindahan daripada suatu tempat ke suatu tempat baharu mungkin menuntut kos sara hidup yang lebih tinggi atau perubahan gaya yang menjejaskan kehidupan dan mencabar kesediaan minda. Perubahan ini boleh menjadi beban emosi. Lebih parah lagi apabila semua perancangan awal tidak dapat memenuhi matlamat yang disasarkan. Segala situasi sebegini memerlukan ketahanan dan kesabaran. Hakikat bahawa tidak semua yang berhijrah mencapai hasil yang diharapkan dengan segera; ada yang perlu melalui perjalanan panjang dengan pelbagai cabaran.

Cara Menghadapi Cabaran Berhijrah

Hijrah adalah suatu bentuk perjuangan dan pengorbanan iaitu berjuang dengan bersungguh-sungguh dan sanggup mengorbankan kehendak hawa nafsu yang perlu disertakan dengan sifat sabar yang tinggi serta istiqamah diri. Peristiwa ini menunjukkan betapa besar pengorbanan yang diperlukan untuk mempertahankan prinsip dan keyakinan yang benar.

Senjata yang paling berkesan sebagai peneman dalam perjalanan hijrah adalah ilmu. Ilmu yang perlu ditambah dan diteroka bagi penyuntik semangat, menyusun strategi dan teguh beristiqamah dengan pendirian. Minda yang kental, kebolehan meramal permasalahan yang bakal dihadapi dan persediaan daripada pelbagai aspek perlu dipersiapkan sama ada dari sudut rohani dan jasmani. Hijrah memerlukan keberanian yang luar biasa. Rasulullah SAW dan para sahabatnya meninggalkan segala-galanya untuk memulakan kehidupan baru di tempat yang asing demi memastikan kelangsungan dakwah Islam. Kesediaan dan keberanian ini bukan sahaja dari sudut fizikal tetapi juga mental dan emosional. Keimanan yang mendalam terhadap Allah SWT serta keyakinan akan ganjaran yang besar memberi mereka kekuatan untuk terus maju walaupun dalam keadaan yang sukar. Keyakinan kepada diri sendiri serta yakin akan pertolongan Allah kerana Allah sentiasa bersama adalah kunci untuk menghadapi ketidakpastian dan ketakutan. Keberanian dan keyakinan sebegini akan membawa kita kepada kejayaan dalam hidup.

Beberapa langkah perlu disemak dalam menghadapi cabaran hijrah :

1. Tetapkan niat yang jelas. Pasakkan di dalam hati supaya penghijrahan yang dilakukan adalah semata-mata kerana Allah SWT dan bukan dari desakan faktor-faktor luaran yang lain.
2. Carilah sokongan yang positif dalam kalangan ahli keluarga, rakan, alim ulama atau daripada mereka yang mempunyai aspirasi yang sama. Sekiranya keadaan memerlukan, pastikan kita berada dalam lingkungan rakan, mentor atau komuniti yang boleh membantu dan menyokong perubahan yang sedang diusahakan.
3. Kembangkan ilmu dan kemahiran jika penghijrahan melibatkan kerjaya atau tempat baharu. Mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang relevan menjadi elemen penting bagi memastikan transformasi kehidupan bergerak seiringan dengan tuntutan persekitaran.
4. Sentiasa tenang, sabar dan istiqamah dengan perkara yang kita laksanakan. Ini kerana suatu perubahan ada kalanya mengambil masa yang lama dan kesabaran sangat penting dalam menempuh cabaran tersebut.
5. Berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT dengan memohon kekuatan dan bimbingan agar sentiasa tabah dalam menghadapi ujian berhijrah serta dipermudahkan semua urusan kita. Dengan kerendahan hati, kita diajar oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis daripada Aisyah RA melazimi doa yang dititipkan oleh Rasulullah SAW untuk kekal istiqamah iaitu "Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu dan di atas ketaatan kepada-Mu."

Kesimpulan

Berhijrah adalah satu perjalanan yang penuh cabaran dan ujian. Jika mehnah tersebut dihadapi dengan keyakinan dan penuh kesabaran, ia boleh membawa keberkatan dan kejayaan di dunia serta akhirat. Demi menjamin kualiti hidup sebagai muslim, seharusnya kita semua mempunyai iltizam ke arah transformasi kehidupan kepada yang lebih baik demi mencari redha Allah SWT. Keteguhan iman dan kekuatan doa adalah sesuatu yang tidak ternilai dalam kehidupan. Doa merupakan cara kita berkomunikasi dengan Allah SWT, memohon petunjuk, bantuan dan keberkatan dalam setiap urusan. Perubahan dan amalan berterusan dalam kehidupan merupakan suatu tuntutan. Justeru, perubahan cara hidup kepada kehidupan yang lebih baik pasti ada cabaran dan ujian yang memerlukan pengorbanan dan kesabaran yang tinggi.

Nabi SAW bersabda,

"Wahai manusia lakukanlah amalan mengikut keupayaan kamu. Sesungguhnya Allah tidak jemu sehinggalah kamu jemu. Amalan yang paling Allah sukai ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit."

— Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

HIJRAH DAN PEMBINAAN Peradaban Madani



Oleh :

Mohammad Akmal bin Abdul Aziz
Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Dakwah, JAKIM

Hijrah merupakan salah satu peristiwa agung dalam sejarah Islam yang mencorakkan hala tuju umat Islam sehingga ke hari ini. Ia bukan sekadar perpindahan fizikal Rasulullah SAW dan para sahabat dari kota Makkah ke Madinah, malah ia adalah titik tolak kepada lahirnya sebuah peradaban baharu yang berpaksikan wahyu, nilai-nilai murni, dan struktur sosial yang harmoni. Hijrah membawa makna transformasi menyeluruh yang memberi kesan kepada akidah, akhlak, masyarakat, dan sistem kenegaraan. Ia melakar asas kepada peradaban madani yang akhirnya menjadi model terbaik untuk umat sejagat

Dari segi istilah, hijrah membawa maksud meninggalkan sesuatu yang buruk kepada sesuatu yang lebih baik. Menerusi hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

"Orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah."

Hijrah adalah perintah Allah SWT yang datang pada saat tekanan terhadap umat Islam di Makkah mencapai kemuncak. Firman Allah SWT yang tercatat di dalam Surah al-Anfal, ayat 72:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka, dan orang-orang (Ansar) yang memberikan tempat perlindungan serta pertolongan, mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman..."

Setibanya Rasulullah SAW di Madinah, Baginda segera meletakkan asas sebuah masyarakat yang berperadaban. Langkah pertama adalah membina Masjid Quba dan Masjid Nabawi sebagai pusat ibadah, ilmu, dan perbincangan ummah. Seterusnya, Rasulullah SAW menyatukan golongan Muhajirin dan Ansar melalui ikatan persaudaraan, dan menggubal Piagam Madinah, iaitu sebuah perlembagaan bertulis yang mengatur hubungan antara masyarakat Islam dan bukan Islam di Madinah. Di sinilah bermula sistem pentadbiran Islam yang menjamin keadilan, kesejahteraan dan hak bersama. Masyarakat Madinah ketika itu bukan hanya hidup dalam keharmonian, tetapi juga menikmati kestabilan ekonomi, sosial dan politik.

Peradaban yang diasaskan di Madinah mencerminkan nilai-nilai yang kini diangkat semula dalam gagasan MADANI yang membawa maksud Kemampanan, Sejahtera, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Keenam-enam nilai ini sebenarnya telah lama diamalkan sejak zaman Nabi SAW, terutamanya selepas hijrah.

M

KEMAMPANAN

Hijrah membawa umat Islam dari penindasan kepada kemerdekaan beragama dan pembinaan masyarakat seimbang antara spiritual dan material. Konsep kemampanan dapat dilihat apabila Rasulullah SAW membina sistem ekonomi Islam berasaskan keadilan dan larangan riba, memajukan pasar Islam, serta memastikan keseimbangan antara manusia dan alam. Prinsip ini penting dalam mencorak peradaban yang menjaga kelestarian hidup dan alam sekitar.

A

SEJAHTERA

Selepas hijrah, penduduk Madinah hidup dalam suasana aman, saling membantu, dan bebas mengamalkan agama. Konsep sejahtera dalam Islam membawa makna keseimbangan antara rohani dan jasmani, individu dan masyarakat, serta dunia dan akhirat. Rasulullah SAW memupuk nilai kasih sayang dan persaudaraan antara umat Islam dan bukan Islam melalui interaksi harian, prinsip hak dan tanggungjawab, serta pelaksanaan keadilan sosial.

D

DAYA CIPTA

Rasulullah SAW memperkenalkan pelbagai pembaharuan seperti sistem zakat, pasar bebas daripada unsur riba dan penipuan, serta strategi diplomatik dan ketenteraan yang bijaksana. Ini membuktikan bahawa Islam menekankan inovasi dan daya cipta dalam kerangka syariah. Masyarakat Madinah menjadi komuniti yang kreatif dan berdaya saing, bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan.

A

HORMAT

Peradaban madani dibina atas asas adab dan maruah manusia. Rasulullah SAW mengajarkan umat untuk menghormati hak jiran, golongan wanita, kanak-kanak, bahkan haiwan. Prinsip ini digambarkan dalam firman Allah SWT menerusi Surah al-Hujurat, ayat 11:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah suatu kaum mencemooh kaum yang lain, boleh jadi mereka lebih baik daripada mereka..."

Adab dan hormat bukan sahaja menjamin keharmonian sosial, tetapi juga memperkukuh jati diri umat Islam sebagai bangsa yang berakhlak tinggi.

N

KEYAKINAN

Hijrah menuntut keyakinan tinggi terhadap janji Allah SWT dan kepimpinan Rasulullah SAW. Para sahabat sanggup meninggalkan harta dan kampung halaman kerana yakin bahawa Allah SWT akan menggantikan dengan yang lebih baik. Keyakinan ini berkait rapat dengan amanah, iaitu tanggungjawab moral dalam membina peradaban berteraskan nilai ilahi. Tanpa keyakinan dan tawakal, hijrah tidak akan berjaya menjadi titik permulaan kegemilangan Islam.

I

IHSAN

Hijrah juga membawa masyarakat Islam kepada penghayatan konsep ihsan iaitu melakukan kebaikan dengan sepenuh hati dan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa memerhati. Rasulullah SAW menyemai ihsan melalui amalan kebajikan, keprihatinan terhadap fakir miskin, dan pengampunan terhadap musuh. Ihsan menjadikan masyarakat madani bukan sahaja berfungsi, tetapi juga penuh dengan kasih sayang dan empati.

Firman Allah SWT di dalam Surah an-Nahl, ayat 90:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat ihsan, dan memberi kepada kaum kerabat..."

Kesimpulan

Hijrah bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi menjadi asas penting dalam memahami bagaimana Islam membentuk peradaban. Ia menuntut perubahan menyeluruh bukan sahaja dari segi tempat, tetapi juga pemikiran, sistem dan akhlak. Prinsip MADANI yang diketengahkan hari ini adalah kesinambungan daripada nilai-nilai yang telah lama wujud sejak hijrah Rasulullah SAW. Oleh itu, setiap umat Islam perlu menghayati semangat hijrah dalam membina kehidupan yang lebih baik, masyarakat yang lebih adil, dan negara yang lebih sejahtera. Mari kita terus berhijrah dari kejahilan kepada ilmu, dari kemalasan kepada usaha, dari mementingkan diri kepada membina ummah demi meneruskan warisan peradaban madani yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW.

Hijrah DAN PEMBANGUNAN UMMAH



Oleh :

Khairani binti Husin

Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penyelidikan, JAKIM

Hijrah dalam konteks sejarah Islam merujuk kepada peristiwa penting yang berlaku pada tahun 622 M, apabila Nabi Muhammad SAW berhijrah dari Makkah ke Madinah untuk menyelamatkan diri daripada penganiayaan dan menubuhkan sebuah masyarakat Islam yang lebih stabil sebagai salah satu usaha menyebarkan dakwah secara lebih meluas dan strategik. Hijrah bukan sekadar berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi juga merupakan satu simbol perubahan, pembaharuan, dan usaha untuk membina masyarakat yang adil, sejahtera, serta berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Justeru, Baginda SAW merupakan model induk paling berjaya dalam menterjemahkan konsep Hijrah dalam era digilitasi ini (Wan Mohd Yusof Wan Chik, *et.al*, 2009)

Di Malaysia, konsep hijrah sering kali dikaitkan dengan perubahan positif dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia menjadi simbol pembaharuan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam konteks pembangunan ummah di negara ini. Antaranya, Hijrah Sebagai Pembinaan Jati Diri Islam yang merangkumi hijrah dalam aspek pemikiran, akhlak, dan gaya hidup. Di Malaysia, masyarakat Islam didorong untuk berhijrah ke arah kehidupan yang lebih baik, baik dari segi ekonomi, sosial, mahupun spiritual. Ini termasuk pemerkasaan ilmu pengetahuan dari aspek meningkatkan taraf pendidikan umat Islam supaya mereka lebih berpengetahuan dan mampu bersaing di peringkat global. Di samping manifestasi pembentukan akhlak yang mulia menerusi contoh teladan akhlak Rasulullah SAW, yang mengutamakan kejujuran, keadilan, dan kasih sayang dalam kehidupan seharian ini (Wan Mohd Yusof Wan Chik, *et.al*, 2009)

Hijrah juga membawa pembaharuan dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosial ummah. Di Malaysia, beberapa langkah diambil untuk memperkasa ekonomi umat Islam melalui pelbagai program dan inisiatif. Antaranya pengukuhan sistem ekonomi Islam yang berteraskan prinsip-prinsip patuh syariah seperti perbankan Islam, zakat, wakaf dan haji. Ini bertujuan untuk memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan membantu umat Islam keluar dari kemiskinan, namun tidak meminggirkan prinsip-prinsip Islam. Begitu juga pemantapan perusahaan sosial dan keusahawanan, antaranya menerusi Tekun Nasional, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Pembangunan Usahawan Islam dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) memberi peluang kepada umat Islam untuk menjadi lebih berdikari dan berdaya saing dalam dunia perniagaan.

Hijrah cetusan Rasulullah SAW menerusi wahyu Allah SWT juga merupakan pelan penghijrahan ekonomi dan pembangunan ummah membuktikan falsafah kesederhanaan dan keseimbangan ini adalah satu pencapaian hebat dan menerusi mesej dakwah bersifat global. Ia bukan sahaja digerakkan melalui bidang ekonomi, sosial serta politik, malah profil Malaysia di pentas sejagat juga diberikan suntikan transformasi bagi mengungguli teraju teladan kesederhanaan dan wasatiyyah dalam era Malaysia Madani.





Salah satu elemen penting dalam pembangunan ummah adalah pengukuhan institusi Islam dan pendidikan. Hijrah dalam konteks ini bermaksud usaha untuk memperbaiki sistem pendidikan agar ia lebih relevan dengan keperluan semasa dan selari dengan ajaran Islam berpaksi akidah ahli sunnah wal jamaah. Langkah-langkah yang diambil seperti pengukuhan sekolah-sekolah agama dengan pemberian bantuan-bantuan penyelenggaraan dan keseimbangan kurikulum sama ada pembelajaran ukhrawi dan duniawi serta lain-lain. Begitu juga di sekolah-sekolah, kurikulum pendidikan Islam diterapkan dengan harapan dapat memperkukuh kefahaman agama serta membentuk generasi yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam kehidupan. Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), j-QAF dan MRSM Ulul Albab antara pendekatan pembelajaran agama Islam khususnya al-Quran di sekolah di Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menghasilkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak mulia (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, *et.al*, 2020).

Hijrah juga menekankan kepentingan keharmonian antara kaum dan agama di negara ini. Di Malaysia, umat Islam daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya diajak untuk saling bekerjasama dan berusaha membangunkan masyarakat yang harmoni dan inklusif tanpa meminggirkan nilai-nilai insaniah dan akhlak sebagai tonggak dalam membangunkan ummah. Kerajaan sentiasa memastikan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum terjamin dan kekal terpelihara menerusi pembentukan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang secara aktif membincangkan isu-isu antara agama dan mencari penyelesaian ke atas isu-isu yang berbangkit, di samping pelaksanaan inisiatif Harmoni MADANI untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian pelbagai kaum dan agama di Malaysia (Panji Hidayat Mazhisham, *et.al*, 2015).

Hijrah yang membawa naratif membangunkan ummah juga memberi tumpuan kepada pengamalan syariah dalam kehidupan seharian. Penerapan nilai-nilai Islam diberi penekanan dalam kehidupan harian, antaranya kepada aspek pemakanan halal, perniagaan yang beretika serta menjunjung tinggi prinsip-prinsip moral, pelaksanaan undang-undang syariah dan memperkenalkan polisi-polisi yang lebih mengutamakan nilai-nilai Islam dalam kehidupan bernegara. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kehidupan umat Islam khususnya selaras dengan ajaran Islam, di samping bertepatan dengan semangat hijrah yang dibawa oleh baginda SAW dalam melahirkan satu ummah yang berteraskan kepada nilai-nilai murni, berpaksikan keadilan sosial, prinsip penerimaan dan meraikan kemajmukan melalui kepelbagaian (Fadhlin Sakinah Zainol Abidin, *et.al*, 2019).

Kesimpulan

Hijrah bukan hanya sebuah peristiwa sejarah dalam Islam, tetapi ia juga satu proses berterusan untuk memperbaiki diri dan masyarakat. Hijrah dilihat sebagai asas kepada pembangunan ummah merangkumi individu, komuniti, masyarakat dan kerajaan dalam usaha untuk mencapai masyarakat yang adil, sejahtera, dan berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang sebenar dengan menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Dengan berhijrah, umat Islam di Malaysia diharapkan dapat memperkukuh jati diri mereka, memajukan ekonomi, dan memperkuat ikatan perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama.


DARI MAKKAH KE MADINAH : TRANSFORMASI MASYARAKAT ISLAM



Oleh :

Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof

Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penyelidikan, JAKIM



Hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah merupakan titik penting dalam sejarah umat Islam dan merupakan peristiwa yang sangat signifikan sehingga diabadikan sebagai permulaan kalendar Hijrah. Perintah hijrah ke Madinah dinyatakan oleh Allah SWT pada ayat 218, Surah al-Baqarah yang bermaksud :

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha

Sesungguhnya, transformasi umat Islam selepas hijrah Baginda Nabi SAW dari Makkah ke Madinah merupakan satu perubahan besar yang menyeluruh, iaitu meliputi aspek politik, sosial, ekonomi, keagamaan dan ketenteraan. Hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal, tapi juga permulaan kepada pembentukan sebuah masyarakat Islam yang lebih tersusun dan berdaulat. Berikut adalah antara transformasi utama masyarakat Islam selepas peristiwa hijrah dari Makkah ke Madinah:


1) Politik: Pembentukan Negara Islam

Di Madinah, Nabi Muhammad SAW bukan sahaja sebagai Rasul yang dituturkan oleh Allah SWT, tetapi juga sebagai ketua negara. Baginda Nabi SAW membentuk Piagam Madinah iaitu satu perlembagaan bertulis yang pertama seumpamanya di dunia pada ketika itu, untuk mengatur sistem hidup bermasyarakat yang lebih efektif dengan menyatukan pelbagai bangsa dan agama yang terdiri daripada golongan umat Islam iaitu kaum Arab Makkah yang dikenali sebagai Muhajirin, kaum Arab Madinah yang dikenali sebagai Ansar serta kaum Yahudi yang menganut ajaran Nabi Musa a.s. dengan suku yang terkenal ialah Bani Quraizah, Bani Nadhir dan Bani Qainuqa'. Baginda Nabi SAW kemudiannya, mewujudkan sistem pemerintahan yang adil berdasarkan prinsip syura, keadilan, dan kebajikan di Madinah.

2) Sosial: Perpaduan dan Ukhwah

Seawal ketibaan Baginda Nabi SAW di Madinah, Baginda mengukuhkan ukhawah Islamiyah (persaudaraan Islam) di antara golongan Muhajirin yang berhijrah dari Makkah ke Madinah dengan golongan Ansar yang merupakan penduduk asal Madinah.

Baginda Nabi SAW juga menghapuskan sistem kabilah dan 'asabiyyah (fanatik perkauman) yang kuat sebelum ini dalam kalangan kabilah Arab yang mempunyai pelbagai suku dan puak. Islam yang disampaikan kepada umat manusia jelas membawa keadilan sosial. Mana-mana golongan yang tertindas diangkat martabatnya, yang fakir dan miskin dibantu dan yang teraniaya dibela.



3) Ekonomi: Sistem Baharu Berlandaskan Islam

Pengharaman riba dimulakan di Madinah, sebagaimana firman Allah pada ayat 278, Surah al-Baqarah yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (gangguan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman". Pada waktu yang sama, sistem zakat diperkenalkan sebagaimana firman Allah pada ayat 43, Surah al-Baqarah "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat". Ekonomi Madinah dilihat mula bebas daripada monopoli kaum Yahudi. Sebaliknya, galakan berdikari dan tolong-menolong sesama umat Islam, termasuk pembahagian hasil tanah dan kerjasama perniagaan antara Muhajirin dan Ansar, dipergiatkan pada zaman Nabi SAW memerintah di Madinah.

4) Keagamaan: Islam Sebagai Cara Hidup Menyeluruh

Di Madinah, umat Islam dapat beribadah dengan bebas tanpa gangguan. Pensyariatan banyak hukum Islam bermula di sini seperti puasa, zakat, jihad, dan sebagainya. Masjid menjadi pusat ibadah, pembelajaran dan pentadbiran yang merupakan asas kepada pembangunan masyarakat Islam yang progresif dan berwibawa.


5) Ketenteraan dan Pertahanan

Umat Islam mula menyusun kekuatan ketenteraan untuk mempertahankan diri. Ini bersandarkan firman Allah pada ayat 39, Surah al-Hajj yang bermaksud "Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat berkausa menolong mereka (mencapai kemenangan)". Beberapa siri peperangan yang berlaku seperti Badar, Uhud dan Khandak, memperkukuhkan lagi kedudukan Islam di Semenanjung Arab.

Kesimpulannya, hijrah umat Islam dari Makkah ke Madinah menandakan transformasi daripada penindasan kepada kebebasan, daripada komuniti kecil kepada negara berdaulat, serta daripada kelemahan kepada kekuatan. Ia akhirnya menjadi titik tolak kebangkitan tamadun Islam yang besar dan disegani dalam sejarah umat manusia.

Jadual 1: Transformasi umat Islam selepas hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah

ASPEK	Sebelum Hijrah (di Makkah)	Selepas Hijrah (di Madinah)
POLITIK	Tiada kuasa politik; umat Islam ditindas	Nabi menjadi pemimpin negara Islam; wujudnya Piagam Madinah sebagai asas pemerintahan
SOSIAL	Masyarakat berpecah mengikut kabilah; tiada perpaduan	Ukhuwah Muhajirin dan Ansar; perpaduan umat pelbagai kaum; semangat tolong-menolong
EKONOMI	Ekonomi dikuasai golongan Quraisy dan Yahudi; riba berleluasa	Sistem ekonomi Islam diperkenal; zakat dan larangan riba; ekonomi Islam dibina secara beretika
KEAGAMAAN	Ibadah dilakukan secara sembunyi; sering diganggu dan dihina	Bebas beribadah; pensyariatan banyak hukum Islam; masjid menjadi pusat aktiviti umat Islam
KETENTERAAN	Umat Islam di Makkah berada dalam kelompok yang minoriti dan ada yang disiksa kerana keislaman mereka	Umat Islam membina kekuatan; berlakunya peperangan penting seperti Badar, Uhud dan Khandak untuk mengukuhkan kedudukan Islam di Semenanjung Arab



CABARAN MODEN dalam membentuk Ummah Madani



Oleh:

Majdi Bin Mohamad Nor

Ketua Penolong Pengarah,

Bahagian Keurusetiaan & Hubungan Luar, JAKIM



Cabaran Pembentukan Ummah Madani

Antara cabaran utama pembentukan ummah madani dalam dunia moden kini ialah keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan muda. Kecenderungan kepada gaya hidup hedonistik, pergaulan bebas dan ketagihan terhadap hiburan melampau telah melemahkan nilai-nilai Islam dalam diri umat. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 179:

Maksudnya:

"Mereka mempunyai hati tetapi tidak digunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah), mempunyai mata tetapi tidak digunakan untuk melihat (kebenaran), dan mempunyai telinga tetapi tidak digunakan untuk mendengar (ajaran). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan lebih sesat lagi."

Ayat ini menggambarkan bahawa manusia yang tidak memanfaatkan akal, penglihatan dan pendengaran untuk mencari kebenaran akan mudah terjerumus dalam kehinan. Dewasa ini kita melihat segelintir masyarakat yang semakin rosak perilaku muslim berpunca daripada jauhnya diri mereka daripada ajaran al-Quran dan bimbingan Nabi SAW.

Seterusnya, krisis identiti dan jati diri umat Islam juga menjadi cabaran besar. Ramai yang keliru antara budaya Islam dan budaya asing, lalu meniru gaya hidup yang tidak selari dengan ajaran Islam. Ini berpunca daripada kurangnya kefahaman agama serta pengaruh media sosial yang mempromosikan nilai-nilai Barat. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam kalangan mereka."

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Syeikh al-'Azim Abadi menukilkan pandangan al-Munawi dan 'Alqami, bahawa maksud hadis ini ialah meniru orang kafir daripada sudut pakailan, perlakuan dan perbuatan mereka. Mulla Ali al-Qari pula berpandangan bahawa hadis ini bermaksud seseorang yang meniru golongan kafir atau fasiq, sama ada dari sudut cara berpakaian atau selalunya, maka dia juga turut akan menerima balasan buruk seperti mereka.

Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa hadis ini menunjukkan larangan keras dan amaran bagi sesiapa yang menyerupai orang kafir pada ucapan, perbuatan, pakailan, perayaan, ibadah dan lain-lain perkara yang tidak disyariatkan serta ditetapkan ke atas umat Islam.

Oleh itu, jelas bahawa hadis ini menjadi peringatan kepada umat Islam agar tidak hanyut dalam arus globalisasi hingga melupakan identiti dan pegangan agama.

Perkembangan kemajuan teknologi dan globalisasi yang serba pantas menjadikan usaha membentuk ummah madani semakin mencabar. Cabaran-cabaran ini dilihat mampu memberikan impak negatif kepada usaha pembentukan ummah madani sekaligus membantutkan usaha pembangunan negara. Ummah madani dapat dijelaskan sebagai sebuah masyarakat Islam yang progresif, berilmu, berakhlak mulia dan berpandukan prinsip keadilan serta kesaksamaan sejajar dengan ajaran Islam. Ia menuntut keseimbangan antara pembangunan rohani dan jasmani, serta menitikberatkan prinsip syura, keadilan sosial dan pematuhan kepada syariah. Namun begitu, untuk merealisasikan visi ini, umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran moden yang kompleks dan berlapis.



Selain itu, perpecahan dalam kalangan umat Islam turut melemahkan usaha ke arah pembentukan ummah madani. Perbezaan pendapat dalam politik, mazhab dan ideologi sering kali mencetuskan permusuhan dan pertelingkahan. Ini bertentangan dengan firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat."

Seterusnya Allah berfirman dalam surah Ali Imran ayat 103:

Maksudnya:

"Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah."

Imam al-Qurtubi Rahimahullah dalam tafsirnya ke atas ayat ini menyebut:

"Iaitu janganlah kamu berpecah belah dalam agama kamu seperti berpecahnya golongan Yahudi dan Nasrani dalam agama mereka".

Kemudian beliau berkata lagi:

"Boleh juga ia membawa erti janganlah kamu berpecah belah dengan mengikuti hawa nafsu dan kehendak-kehendak yang berbeza dan jadilah bersaudara dalam agama Allah. Maka yang demikian itu akan menghalang kamu dari berpecah belah dan saling bermusuhan"

Jelas bahawa tanpa kesatuan dan kasih sayang sesama Muslim, masyarakat Islam tidak akan mampu berdiri kukuh dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Pengaruh globalisasi dan kemajuan teknologi juga membawa cabaran besar kepada umat Islam. Teknologi yang seharusnya dimanfaatkan untuk pembangunan ummah sering kali digunakan untuk menyebarkan maksiat, fitnah dan nilai-nilai negatif. Serangan budaya Barat melalui media sosial, hiburan dan fesyen telah menghakis nilai Islam dalam kalangan masyarakat. Justeru, Rasulullah SAW pernah bersabda seperti mana yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA iaitu:

Maksudnya:

"Akan datang kepada manusia satu zaman di mana orang yang sabar daripada kalangan manusia yang berpegang dengan agamanya seperti seorang yang menggenggam bara api".



Hadis ini menunjukkan betapa sukarnya mempertahankan Islam dalam zaman penuh cabaran, tetapi ia tetap wajib dilaksanakan dengan sabar dan istiqamah. Hadis ini turut menggambarkan akan perihai dan keadaan manusia di akhir zaman yang penuh dengan cabaran dan ujian bagi orang-orang yang ingin berpegang dengan agama. Pada waktu tersebut, umat Islam perlulah menjaga agama mereka dan dalam masa yang sama perlu meninggalkan nikmat dunia yang sementara ini. Tambahan pula, persekitaran dan suasana pada waktu itu tidak membantu seseorang itu untuk menunaikan segala kewajipan dan tuntutan agama, bahkan apa yang ada di sekelilingnya lebih mendorong untuk melakukan maksiat dan perkara-perkara yang boleh meruntuhkan keimanan seseorang. Maka, Nabi SAW mengumpamakan orang yang hidup pada zaman itu seperti seorang yang memegang bara api dalam melaksanakan tuntutan agama.

Walaupun bagaimanapun, pelbagai usaha boleh digembleng untuk menangani cabaran-cabaran ini. Antaranya termasuklah memperkukuh sistem pendidikan Islam yang holistik, memperkasakan dakwah melalui platform digital dan membina semula peranan institusi keluarga serta masyarakat. Di samping itu, umat Islam perlu kembali kepada al-Quran dan sunnah sebagai panduan utama dalam kehidupan. Kepimpinan yang adil, berintegriti dan bertakwa juga penting dalam memacu masyarakat ke arah pembentukan ummah madani.

Kesimpulannya, membentuk ummah madani bukanlah sesuatu yang mudah, terutama dalam menghadapi cabaran moden yang kompleks. Namun dengan usaha berterusan, pemerkasaan ilmu dan pengukuhan iman, umat Islam mampu bangkit semula sebagai masyarakat contoh yang bukan sahaja berjaya di dunia, bahkan juga di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104:

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Mereka itulah orang-orang yang berjaya."

Oleh itu, usaha yang berterusan, tersusun dan yakin dengan janji Allah pasti akan membuahkan hasil yang diharapkan ke arah membina ummah madani seterusnya berjaya di dunia dan akhirat.

DAKWAH & KEPIMPINAN: *Menggerak* *Perubahan Sosial*



Oleh :

Mohammad Zaki Bin Yahpar
Bahagian Dakwah, Jakim

Dakwah dan kepimpinan merupakan dua elemen penting dalam Islam yang bertujuan membawa perubahan positif dalam masyarakat. Dakwah bermaksud mengajak manusia kepada kebaikan dan kebenaran, manakala kepimpinan ialah kemampuan seseorang dalam membimbing dan mengurus masyarakat ke arah kesejahteraan. Kedua-duanya saling melengkapi dalam usaha membentuk masyarakat yang berakhlak, adil, dan harmoni. Allah SWT berfirman dalam Surah Ali Imran, ayat 104:

Maksudnya:

"Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

Imam Abu al-A'la Al-Maududi menjelaskan dalam tafsirnya bahawa ayat ini menekankan perlunya wujud satu kumpulan dalam kalangan umat Islam yang secara aktif mengajak kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Beliau turut menekankan bahawa mereka yang melaksanakan tugas ini akan mencapai kejayaan yang sebenar.

Dakwah dan Kepimpinan pada Zaman Rasulullah SAW

Perubahan sosial yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW merupakan satu transformasi besar yang mengubah masyarakat jahiliah kepada masyarakat Islam yang berteraskan tauhid, keadilan, dan akhlak mulia. Usaha dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW telah berjaya menggerakkan beberapa perubahan sosial masyarakat ketika itu.

1. Penghapusan Sistem Kasta dan Diskriminasi Sosial

Rasulullah SAW telah menghapuskan sistem perkauman dan kasta yang wujud dalam masyarakat Arab sejak sekian lamanya. Islam mengajarkan bahawa semua manusia adalah sama di sisi Allah SWT, yang membezakan mereka hanyalah ketakwaan.

Sabda Rasulullah SAW dalam khutbah terakhirnya:

"Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu dan bapa kamu juga satu. Tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab, dan tidak ada kelebihan bagi orang bukan Arab ke atas orang Arab, tidak juga bagi yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, dan tidak pula bagi yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah, kecuali dengan ketakwaan".

(Hadis riwayat Imam Ahmad, no. 23489)

Islam mengangkat martabat golongan hamba, seperti Bilal bin Rabah yang akhirnya dilantik menjadi muazin Rasulullah SAW. Keadilan juga diberikan kepada semua tanpa mengira latar belakang.

2. Pembebasan Wanita dan Penegakan Hak Mereka

Sebelum kedatangan Islam, wanita dianggap rendah, malah anak perempuan sering dibunuh hidup-hidup. Islam datang membawa perubahan dengan memberi hak kepada wanita dalam pendidikan, pewarisan harta, dan peranan dalam masyarakat. Allah SWT berfirman dalam melalui Surah an-Nahl ayat 58 – 59:

"Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa dia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang dia menahan perasaan marahnya dalam hati. Dia bersembunyi dari orang ramai kerana (berasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang dia beroleh anak perempuan; sambil dia berfikir): adakah dia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau dia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu".

Islam seterusnya mengharamkan pembunuhan anak perempuan. Kaum wanita diberi hak dalam perkahwinan, pendidikan, dan warisan. Rasulullah SAW turut menunjukkan penghormatan kepada wanita, sepertimana dalam hadis:

"Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya"

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi, no. 3895)

3. Penghapusan Amalan Riba dan Eksploitasi Ekonomi

Masyarakat Arab ketika itu dikuasai oleh sistem riba yang menindas golongan miskin. Islam datang dengan larangan riba dan memperkenalkan sistem ekonomi berasaskan keadilan. Allah SWT berfirman:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman".

(Surah Al-Baqarah ayat 278)

Riba diharamkan secara berperingkat. Sistem zakat diwajibkan untuk membantu golongan miskin. Konsep muamalah Islam diperkenalkan, seperti jual beli yang adil dan bebas daripada penipuan.

4. Penyatuan Kaum Muhajirin dan Ansar

Ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, baginda menyatukan golongan Muhajirin (dari Makkah) dengan Ansar (penduduk Madinah) dalam sebuah ikatan persaudaraan (Mu'akah). Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 72:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain".



Melalui penyatuan ini, persaudaraan Islam antara kaum dapat ditegakkan, dan menjadikan masyarakat lebih bersatu. Konsep saling membantu menjadi asas yang terus menguatkan persaudaraan Islam.

5. Piagam Madinah: Model Negara Berbilang Kaum

Piagam Madinah merupakan perlembagaan pertama ditulis dalam sejarah dunia yang mengatur hak dan tanggungjawab semua penduduk Madinah, termasuk orang Islam, Yahudi, dan kabilah lain.

Sabda Rasulullah SAW:

"Barangsiapa yang menzalimi kafir mu'ahad (yang mempunyai perjanjian dengan Islam), atau mengurangi haknya, atau membebaninya lebih dari kemampuannya, atau mengambil sesuatu daripadanya tanpa izin yang sah, maka aku akan menjadi lawannya pada hari kiamat".

(Hadis riwayat Abu Dawud, no. 3052)

Melalui Piagam ini, Rasulullah SAW meletakkan tanggungjawab memelihara keamanan dan kesejahteraan Madinah pada semua penduduk yang tinggal di situ tanpa mengira perbezaan agama dan kaum. Masing-masing memiliki tanggungjawab dan peranannya dan keadilan ditegakkan untuk semua kaum. Kebebasan beragama terjamin di bawah pentadbiran Rasulullah SAW.



Pandangan Imam Al-Ghazali tentang Kepimpinan dan Dakwah

Imam Al-Ghazali dalam karyanya Ihya' Ulum al-Din menegaskan bahawa pemimpin yang baik ialah mereka yang berperanan sebagai murabbi (pendidik) kepada masyarakat. Beliau menyatakan:

"Kerosakan rakyat berpunca daripada kerosakan pemerintah, dan kerosakan pemerintah berpunca daripada kerosakan ulama. Jika ulama menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, maka pemimpin akan menjadi baik dan akhirnya rakyat akan sejahtera".

Pernyataan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan kepimpinan yang berteraskan ilmu dan dakwah dalam membimbing masyarakat ke arah perubahan sosial yang lebih baik.

Pandangan Imam al-Ghazali ini juga selaras dengan ungkapan Saidina Umar bin al-Khattab r.a.;

"Jika kamu mahu melihat kebaikan dalam sebuah negara, maka lihatlah pemimpinnya. Jika pemimpinnya baik, maka rakyatnya akan baik".



Ibnu Taimiyyah:

Kepimpinan sebagai Amanah dan Tanggungjawab

Ibnu Taimiyyah dalam As-Siyasah Asy-Syar'iyah menegaskan bahawa kepimpinan bukan sekadar kuasa, tetapi merupakan amanah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Beliau menyatakan:

"Kepimpinan dalam Islam ialah tanggungjawab yang besar, dan pemimpin mesti bertindak sebagai pelayan kepada rakyatnya".


Hal ini menunjukkan bahawa dakwah dan kepimpinan bukan untuk semata-mata kepentingan peribadi, tetapi sebagai satu tanggungjawab yang memerlukan keikhlasan dan keadilan bagi mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik.

Ibnu Khaldun: Kepimpinan dan Perubahan Sosial

Ibnu Khaldun dalam Muqaddimah menyebut bahawa sesebuah peradaban hanya akan berkembang dan bertahan jika kepimpinannya berpegang teguh pada nilai agama dan moral. Beliau menegaskan:

"Agama ialah asas kepada pemerintahan, dan jika asas itu rapuh, maka pemerintahan juga akan runtuh".

Pandangan ini menekankan bahawa kepimpinan dan dakwah perlu berjalan seiring bagi memastikan perubahan sosial yang positif berlaku dalam sesebuah masyarakat.



Pandangan Syeikh Yusuf al-Qaradawi tentang Dakwah dan Kepimpinan
Syeikh Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya Fiqh Ad-Dakwah menjelaskan bahawa pemimpin yang efektif dalam Islam ialah mereka yang menggabungkan hikmah (kebijaksanaan) dan kasih sayang dalam berdakwah. Beliau menyatakan:

"Dakwah bukan sekadar menyampaikan kebenaran, tetapi juga mesti dilakukan dengan pendekatan yang penuh hikmah, berlemah-lembut dan memahami realiti masyarakat".

Dalam ungkapan lain juga, Dr. Yusuf al-Qaradawi menyatakan;
"Pemimpin yang baik adalah mereka yang memimpin dengan hati, bukan hanya dengan kata kata".

Hal ini menunjukkan bahawa dakwah dan kepimpinan memerlukan pendekatan yang sesuai dengan keadaan masyarakat bagi memastikan mesej Islam dapat diterima dengan baik dan memberi impak kepada perubahan sosial.

Peranan Dakwah dalam Perubahan Sosial

Dakwah bukan sekadar menyeru manusia kepada agama, tetapi juga berperanan membentuk masyarakat yang adil dan makmur. Terdapat beberapa aspek utama dakwah dalam menggerakkan perubahan sosial:

1. Membina Kesedaran dan Kefahaman. Dakwah bertindak sebagai medium untuk menyebarkan ilmu dan kesedaran mengenai nilai-nilai Islam. Dengan pemahaman yang benar, masyarakat akan lebih cenderung mengamalkan kehidupan yang lebih baik dan menjauhi kemungkaran. Rasulullah SAW bersabda:

"Sampaikanlah dariku walau satu ayat".

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari, no. 3461)

2. Menyemai Nilai Akhlak yang Mulia. Akhlak yang baik merupakan asas kepada masyarakat yang harmoni. Dakwah yang berkesan bukan hanya menyampaikan ilmu tetapi juga membimbing masyarakat dalam membentuk karakter yang berlandaskan Islam. Nabi SAW bersabda:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".

(Hadis riwayat Imam Ahmad, no. 8952; al-Baihaqi, no. 21301)

3. Menghapuskan Kezaliman dan Ketidakadilan. Sejarah membuktikan bahawa dakwah Rasulullah SAW berjaya mengubah masyarakat Arab jahilliah yang penuh dengan penindasan kepada masyarakat yang berlandaskan keadilan dan kasih sayang. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 90:

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya".

4. Membantu Golongan yang Lemah dan Tertindas. Kepimpinan dalam dakwah juga menekankan tanggungjawab terhadap mereka yang kurang bernasib baik. Islam menegaskan kepentingan membea nasib fakir miskin dan golongan tertindas. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 2:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan".

Kepimpinan dalam Dakwah

Kepimpinan merupakan elemen penting dalam memastikan dakwah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Seorang pemimpin yang baik harus memiliki ciri-ciri berikut:

1. Amanah dan Bertanggungjawab. Amanah ialah kunci utama dalam kepimpinan. Pemimpin yang baik tidak boleh menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi.

Rasulullah SAW bersabda:

"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas kepemimpinannya".

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

2. Berilmu dan Berhikmah. Seorang pemimpin yang bijaksana harus memiliki ilmu yang mendalam serta kebijaksanaan dalam menyampaikan dakwah. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 125:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbasahlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik".

3. Sabar dan Berakhlak Mulia. Seorang pendakwah dan pemimpin sering menghadapi cabaran dan tentangan. Sifat sabar sangat diperlukan dalam menghadapi pelbagai ujian. Allah SWT berfirman dalam Surah Hud ayat 115:

"Dan sabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu, dalam mengerjakan suruhan Allah), kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghiriskan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan".

Penutup

Dakwah dan kepimpinan merupakan kunci utama dalam menggerakkan perubahan sosial ke arah yang lebih baik. Dengan dakwah yang penuh hikmah dan kepimpinan yang berintegriti, masyarakat dapat dibentuk ke arah kehidupan yang lebih harmoni dan berlandaskan nilai-nilai Islam. Setiap individu Muslim mempunyai tanggungjawab untuk menyebarkan kebaikan dan mencegah kemungkaran agar masyarakat sentiasa berada dalam keberkatan Allah SWT.

Dakwah dan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW bukan sahaja mengubah akidah masyarakat tetapi juga memacu perubahan dari aspek sosial, ekonomi, dan politik. Baginda telah berhasil membina sebuah masyarakat yang berasaskan keadilan, persaudaraan, dan ketakwaan kepada Allah SWT. Perubahan ini masih menjadi model bagi dunia hingga ke hari ini.

Kepimpinan yang berpandukan prinsip Islam dan dilakukan dengan keblaksanaan juga akan membawa kepada masyarakat yang lebih harmoni, adil, dan berakhlak mulia. Setiap anggota berperanan sebagai ejen perubahan yang memiliki taklif dalam dakwah dan kepimpinan untuk membina ummah yang lebih baik, berasaskan keadilan, kasih sayang, dan ketakwaan kepada Allah SWT.

ZAKAT DAN WAKAF: TONGGAK PEMBERDAYAAN MASYARAKAT



Oleh :

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
Pengarah Kanan,
Bahagian Dakwah JAKIM

Kerajaan baru mengumumkan dana permulaan berjumlah RM1 bilion wakaf MADANI yang akan diselaraskan oleh JAWHAR dan Yayasan Wakaf Malaysia untuk memberikan suatu lonjakan, pencerahan dan kesedaran kepada umat Islam bahawa kegiatan wakaf itu harus menjadi sesuatu yang perlu dibudayakan.

Sebelum ini kita dapat lihat usaha dan ikhtiar JAWHAR dan Yayasan Waqaf Malaysia serta kegiatan wakaf dan zakat negeri-negeri yang telah berusaha meningkatkan kegiatan mereka dalam pelbagai lapangan dan mendapat sambutan apa lagi dengan dana tambahan daripada Kerajaan dan syarikat-syarikat Kerajaan dan swasta. Dalam *Global Forum on Islamic Economics and Finance (GFIEF)* anjuran Bank Negara Malaysia pada bulan Mei 2024 dan selepas itu dalam tempoh tujuh bulan, *Waqf Exchange Traded Funds (ETF)* telah diapungkan di Bursa

Waqf Exchange Traded Funds (ETF) adalah produk yang dianggap inovasi wakaf pertama di dunia iaitu menggabungkan Yayasan Waqaf Malaysia dan EQ8 Capital yang dapat menyalurkan 50% pendapatan pelaburan sebagai wakaf manakala 50% lagi sebagai dividen. Ini satu pendekatan yang canggih kerana dalam sumbangan katalah RM10 ribu, keuntungan itu 50% ke wakaf dan 50% untuk jaminan penyumbang dan keluarga. Dengan cara yang sedemikian tidak timbul kegusaran tentang masa depan mereka.

Seorang sarjana, Fazlur Rahman menulis sekitar awal 80-an di mana beliau menyingkap sejarah tentang wakaf yang mendirikan masjid-masjid dan institusi pendidikan utama di dunia Arab seperti Mesir dan Turki. Tetapi setelah atau pasca pemerintahan kolonial dan kemerdekaan, budaya wakaf itu sudah malap kerana umat menghadapi tekanan untuk membangunkan ekonomi sebaik merdeka. Fazlur Rahman juga memberikan gambaran tentang kejayaan luar biasa Indonesia yang menghidupkan institusi pendidikan dari sekolah dasar menengah sehingga *Universitas Nahdlatul Ulama* ataupun *Universitas Muhammadiyah* yang semarak seluruh Indonesia, dalam keadaan negara baru bebas dari penjajahan Belanda.

Memang pewakafan di Indonesia itu satu kejayaan luar biasa kerana melahirkan institusi-institusi pendidikan, pesantren, universiti, kolej yang gagah yang dapat kita saksikan sendiri. Oleh itu apa yang harus ditekankan ialah tahap kesedaran dan sikap serta semangat untuk memberikan sumbangan yang kekal kerana wakaf itu, baik dari segi kegiatan ekonomi atau pendidikan menjadikan sesuatu sumbangan itu kekal.

Malaysia juga adalah Setiausaha Agung *World Zakat Waqf Forum 2023-2026* yang menunjukkan keyakinan dunia Islam terhadap keupayaan negara ini walaupun diakui langkah-langkah memperkasakan tadbir urus zakat dilaksanakan oleh Kuwait, Qatar dan beberapa negara Islam yang lain.

Zakat itu satu institusi menurut Syeikh Yusuf, yang sangat asasi dalam membina masyarakat Islam sehinggakan pada zaman pemerintahan Abu Bakar As Siddiq RA bila ada orang yang mengaku Islam dan tidak mahu membayar zakat, maka dia seolah-olah melawan, memberontak pentadbiran dan perkhidmatan Islam. Abu Bakar As Siddiq RA mengisytiharkan Perang Riddah, pertama kali dalam sejarah di mana peperangan diisytihar untuk mempertahankan institusi zakat dan membela orang miskin. Pengisytiharan perang itu adalah bertujuan untuk memastikan umat Islam tidak meremehkan rukun Islam serta tidak mengabaikan institusi zakat demi keprihatinan untuk membela nasib rakyat miskin dan golongan asnaf.

Dalam pembangunan wakaf dan zakat ini tentunya boleh dihubungkan dengan nilai dalam gagasan **MADANI** iaitu **KEMAMPANAN** dan **IHSAN** dan harus diterjemahkan dalam pelaksanaan dan amalan. Apabila kita faham **MADANI** beserta dengan mampan dan ihsannya, maka tentu wakaf dan zakat ini sebagai sesuatu yang sudah sehati dengan kita. Kita dapat lihat bahawa tradisi Islam itu luar biasa kerana dia menggerakkan setiap anggota masyarakat dalam semua kegiatan. Sebab itu dalam di negara ini, bila kita sebut wakaf dan zakat, tidak bermakna Kerajaan akan mengenyepikan tanggungjawab *fundamental* asasi pemerintah untuk menggunakan dana dengan bertanggungjawab.

Semangat berwakaf dan menunaikan zakat harus dihidupkan di negara ini sebagai suatu usaha untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi ummah kerana kelompok kecil dan perseorangan tidak mampu tetapi yang lebih besar boleh membangunkan, sebagaimana Indonesia boleh membangunkan ribuan institusi pendidikan di seluruh negara dan hampir keseluruhannya itu dari tradisi dan budaya wakaf dan zakat.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM30 juta untuk program myWakaf PTPTN iaitu satu biasiswa wakaf pendidikan yang diurus bersama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan PTPTN. Dan kedua, kerajaan juga memperuntukkan modal awal pembentukan entiti Permodalan Wakaf Nasional Berhad sebanyak RM5 juta.

Tahniah dan terima kasih kepada **JAKIM, JAWHAR** dan **Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)** dan semua syarikat-syarikat yang membantu. Semoga Allah memberikan kekuatan kepada kita dan mengangkat martabat umat melalui wakaf dan zakat ini.



Peranan Masjid SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN UMMAH



Oleh :

Dr. Muhammad Zakuwa bin Rodzali
Imam Besar Masjid Putra

PENDAHULUAN

Dalam al-Quran, Allah SWT memberikan perincian tentang sifat seorang mukmin yang memakmurkan rumahnya melalui ayat 18 Surah al-Taubah yang bermaksud:

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."

Maafum ayat di atas menjelaskan bahawa masjid bukan sekadar tempat untuk orang mukmin yang beriman kepada Allah SWT tetapi juga beribadat mendirikan solat malahan juga mengeluarkan zakat yang daripadanya membangunkan ummah.

Sirah Rasulullah SAW juga telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembangunan ummah melalui langkahnya yang membina masjid antaranya Masjid Quba' dan Masjid Nabawi seawal sahaja sampai di Madinah ketika peristiwa hijrah.

DEFINISI MASJID

Perkataan masjid berasal dari Bahasa Arab "*sajada*" yang bermaksud sujud. Manakala "*masjid*" membawa maksud tempat sujud. Oleh itu istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT. Menurut Kamus Dewan, masjid bermaksud bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain (Noresah, 2007). Manakala menurut Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, masjid ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam.

PERANAN MASJID ZAMAN RASULULLAH SAW

Peranan masjid berpanduan kepada definisinya sememangnya jelas dan tidak dinafikan sebagai tempat ibadah, bersujud menyembah Allah SWT merangkumi pelaksanaan solat fardu berjemaah, solat Jumaat, solat sunat dan lain-lain. Namun demikian, peranan tersebut tidaklah terbatas di situ sahaja bahkan juga merangkumi perkara-perkara yang lain.

Sirah menunjukkan bahawa semasa zaman Rasulullah SAW, masjid dijadikan pusat pentadbiran negara di mana Rasulullah SAW menguruskan hal ehwal umat Islam termasuklah musyawarah dengan sahabat dan pemimpin lain. Begitu juga ia menjadi pusat pengajian dan dakwah Islam serta tempat perhimpunan ummah.

Masjid juga dijadikan sebagai pusat pengurusan ekonomi di mana diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW kadangkala menempatkan harta di masjid sebelum diagihkan kepada masyarakat. Dalam satu hadis daripada Anas bin Malik r.a. yang bermaksud:

"Pernah dibawakan kepada Nabi SAW harta dari Bahrain. Nabi pun bersabda: 'Letakkannya di masjid'. Itu adalah harta yang paling banyak yang pernah dibawakan kepada Baginda. Kemudian Baginda keluar untuk solat. Baginda tidak berpaling pun kepada harta tadi. Setelah selesai solat, baharulah Baginda pergi dekat harta itu lalu duduk. Tidak dilihat sesiapa pun melainkan diberikan kepadanya. Tiba-tiba datang al-Abbas kepada Baginda. Dia berkata: 'Wahai Nabi, berikanlah kepadaku kerana aku telah menebus diriku dan Aqil (semasa ditawan dalam perang Badr)'. Maka Nabi berkata kepadanya: 'Ambillah'. Dia pun mengaut harta itu ke dalam kainnya dan hendak dibawanya tetapi tidak mampu kerana berat. Dia lantas berkata: 'Wahai Nabi, suruhlah sesiapa mengangkatnya untukku'. 'Nabi berkata 'tidak boleh'. Dia berkata lagi: 'Kalau begitu, engkau sendirilah yang mengangkatnya untukku'. Nabi berkata 'tidak boleh'. Maka dia membuang sebahagian darinya dan mengangkatnya sambil berkata: 'suruhlah sesiapa mengangkatnya untukku'. Nabi berkata 'tidak boleh'. Dia berkata: 'engkau sendirilah yang angkat dan letakkan ke atasku'. Nabi berkata: 'tidak boleh'. Selepas itu dia membuang sebahagian dari harta itu lalu mengangkatnya dan meletakkannya di atas bahu kemudian pergi. Nabi pula terus memerhatikan al-Abbas lantaran hairan dengan kesungguhannya itu sehingga dia hilang dari pandangan kami. Nabi tidak bangkit dari situ melainkan setelah tidak tinggal walau satu dirham."

Riwayat al-Bukhari (421)

Masjid juga dijadikan pusat bantuan kepada mereka yang memerlukan termasuklah fakir dan miskin serta tempat perlindungan, tempat tidur dan istirahat para musafir dan Ibnu Sabil. Demikian juga diguna pakai sebagai tempat untuk latihan jihad dan rawatan mereka yang cedera. Manakala pada zaman Khalifah, ia menjadi tempat di mana para Khalifah dibai'ah oleh umat Islam.

PERANAN MASJID PADA MASA KINI DALAM PEMBANGUNAN UMMAH

Aktiviti masjid pada zaman Rasulullah SAW sebaiknya dijadikan panduan dalam mengembangkan lagi peranannya pada masa kini. Secara ringkas, peranan masjid era moden boleh dikategorikan sebagai berikut:

01 Masjid sebagai pusat keilmuan dan pendidikan

Peranan masjid perlu diperluaskan bukan sekadar mengadakan kuliah dan tafaqquh akidah, syariah, akhlak dan kelas keagamaan yang lain tetapi juga kelas pengajian bidang-bidang seperti sains, matematik, teknologi maklumat, bahasa Inggeris, Artificial Intelligence (AI) dan lain-lain dari peringkat rendah, menengah dan dewasa. Dengan ini, masjid dapat berperanan membangunkan umat Islam dan pada masa sama ia menarik minat semua lapisan masyarakat untuk mengimarahkan.

02 Masjid sebagai pusat kemasyarakatan, syiar perpaduan dan ukhuwwah

Sebagai pusat kemasyarakatan, amatlah wajar masjid bertindak sebagai agen yang merapatkan perpaduan dan ukhuwwah antara sesama Muslim. Begitu juga menjadi jambatan memupuk hubungan yang erat antara Muslim dengan Non-Muslim, antaranya melalui jemputan program atau hari keraian tertentu di perkarangan masjid.

03 Masjid sebagai pusat rujukan isu dan permasalahan

Masjid perlu bertindak sebagai pusat rujukan isu dan permasalahan masyarakat sama ada melalui sesi runding cara atau kaunseling. Dengan kompleksiti dunia masa kini, masyarakat amat mengharapkan tempat yang boleh memberikan kelegaan dan penyelesaian kepada isu dan permasalahan mereka sama ada berkait individu atau rumahtangga. Tugas ini boleh dikendalikan sama ada oleh petugas masjid yang berkemahiran, ahli jawatankuasa masjid atau juga pakar motivasi dan kaunseling dalam kariah masjid yang berkolaborasi dengan pihak masjid.

04 Masjid sebagai pusat kegiatan wanita, remaja, kanak-kanak dan OKU

Masjid juga perlu berupaya menarik minat golongan wanita, remaja, kanak-kanak dan OKU dengan mengadakan program khusus untuk mereka seperti kuliah muslimat, seminar remaja, aktiviti kanak-kanak juga kelas kemahiran berkaitan OKU. Antara lain termasuklah kelas kemahiran memasak, kursus kepimpinan, pertandingan sukan, kursus bahasa isyarat. Seharusnya juga masjid yang berkemampuan dapat menyediakan pelbagai kemudahan seperti tempat riadah mini, sudut pendidikan, ruang komuniti atau lot-lot jualan barangan. Dengan itu, masjid bukan sahaja merupakan tempat untuk golongan lelaki dewasa sahaja tetapi merangkumi semua lapisan masyarakat sama ada lelaki atau wanita.

05 Masjid sebagai penggerak ekonomi masyarakat setempat

Tidak kurang juga dalam kalangan masyarakat yang berpandangan masjid tidak sesuai menjana perkembangan ekonomi dan muamalat masyarakat. Kefahaman ini tidak betul memandangkan masjid bukan sekadar merangkumi dewan solat utama tetapi juga mempunyai kawasan yang lebih luas di luar dewan tersebut yang sesuai dijadikan ruang menjana dan menggerakkan aktiviti ekonomi masyarakat setempat. Dengan adanya inisiatif tersebut, masjid boleh membantu sama ada asnaf dan golongan lain berusaha membangunkan taraf ekonomi diri sendiri dan masyarakat.

06 Masjid sebagai pusat kebajikan

Masjid boleh menjadi penghubung kepada sumbangan yang disampaikan oleh persatuan atau badan kebajikan dan agensi korporat kepada orang ramai dan fakir miskin. Sumbangan ini tidak terhad kepada sumbangan tunai yang disalurkan melalui tabung masjid tetapi juga barangan-barangan keperluan harian yang disampaikan secara terus. Begitu juga dengan makanan atau barangan yang boleh diletakkan dalam peti sejuk beku masjid. Juga penyediaan ruang, lot atau bilik penginapan yang bersesuaian untuk musafir yang singgah tetapi kurang berkemampuan.

07 Masjid sebagai pusat pemantapan saudara baru

Saudara-saudara baru yang memerlukan tunjuk ajar dan pengajaran berkenaan Islam boleh mendapatkan bimbingan daripada masjid yang sememangnya sangat bersesuaian dengan peranan ini.

PENUTUP

Masjid bukan sahaja tempat untuk melaksanakan ibadah-ibadah khusus seperti solat fardu lima waktu, solat Jumaat, solat hari raya, iktikaf bahkan mempunyai fungsi yang lebih luas iaitu membangunkan ummah. Peranan ini telahpun dimainkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Dengan perkembangan dunia masa kini, peranan ini menjadi lebih meluas dan mencabar.

INTEGRITI & AMANAH dalam PENTADBIRAN ISLAM



Oleh:
Mazlina binti Jalani
Ketua Unit Integriti, JAKIM

Integriti dan amanah merupakan teras utama dalam membentuk pentadbiran Islam yang adil, telus dan berkesan. Prinsip ini ditegaskan berulang kali dalam al-Quran dan hadis, serta diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Dalam konteks pentadbiran moden, dua nilai ini terus menjadi tunjang kepada usaha memperkukuh sistem tadbir urus, membanteras penyalahgunaan kuasa serta membina kepercayaan rakyat terhadap institusi Islam.

Teladan Sejarah: Kepimpinan Berintegriti

Sejarah peradaban Islam menunjukkan bahawa kepimpinan yang berintegriti membawa kemakmuran dan keberkatan. Khalifah Umar bin Abdul Aziz, sebagai contoh, terkenal dengan kejujuran dan keadilan dalam pemerintahan. Beliau menolak kemewahan, mengembalikan harta tidak sah ke baitulmal, serta melaksanakan dasar-dasar yang berpaksikan prinsip maqasid syariah. Begitu juga dengan Saidina Umar al-Khattab yang menekankan disiplin tinggi dalam urus tadbir, termasuk mewajibkan pegawainya mengisytiharkan harta, melantik pemantau, serta melarang gaya hidup mewah. Inilah asas integriti dalam pentadbiran Islam awal – berasaskan keadilan, ketelusan dan tanggungjawab.

Definisi Integriti dan Amanah Menurut Islam

Integriti dalam Islam merangkumi kejujuran (*sidq*), ketelusan (*shafafiyyah*), dan keadilan (*al-'adl*). Sementara itu, amanah adalah tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk ditunaikan sebaiknya. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya..."

Ayat ini menekankan keperluan menjalankan tanggungjawab dengan penuh kejujuran dan ketelusan.

Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik dalam mengamalkan integriti dan amanah. Baginda dikenali sebagai *Al-Amin* (Yang Dipercayai) dan mengutamakan keadilan serta ketelusan dalam pentadbiran Madinah. Sabda Baginda:

Maksudnya:

"Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap yang dipimpinnya." (HR Bukhari: 7138)

Hadis ini menunjukkan bahawa setiap individu yang memegang jawatan dalam pentadbiran akan dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat.

Islam melarang sebarang bentuk penyelewengan dalam kepimpinan dan pentadbiran. Rasulullah SAW juga memberi amaran tentang bahaya menyerahkan amanah kepada individu yang tidak berkelayakan:

Maksudnya:

"Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran." (HR Bukhari: 6496)



Kepentingan Integriti dan Amanah dalam Pentadbiran Islam

Integriti dan amanah merupakan asas penting dalam pentadbiran Islam bagi memastikan keadilan dan ketelusan dalam urusan pemerintahan. Pentadbiran yang berintegriti menghindari penyalahgunaan kuasa dan rasuah, serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi Islam.

Islam menegaskan kepentingan kepimpinan yang jujur melalui firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Dan janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana itu lebih dekat kepada takwa..." (Surah AlMa'idah, 5:8)

Rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah faktor utama yang merosakkan pentadbiran. Islam secara tegas melarang rasuah sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu mengeluarkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)." (Surah Baqarah, 2:188)



Pentadbiran yang berintegriti dan amanah akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan dan pengurusan Islam. Apabila pemimpin menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti, rakyat akan lebih yakin dengan dasar serta keputusan yang dibuat. Rasulullah SAW juga mengingatkan tentang tanggungjawab amanah melalui sabdanya:

Maksudnya:

"Tiada seorang hamba yang telah diamanahkan oleh Allah SWT untuk menguruskan hal ehwal rakyat di bawah tanggungannya lalu tidak menunaikan amanah tersebut meskipun dengan hanya menyampaikan satu nasihat melainkan tidak dapat mencium haruman syurga." (HR Bukhari: 7150).

Hadis ini memberi ancaman keras kepada pemimpin yang menipu rakyatnya. Institusi yang mengamalkan integriti dan amanah akan lebih stabil dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran.



Cabaran Pentadbiran Islam Masa Kini

Pelaksanaan integriti dan amanah dalam pentadbiran Islam kini berdepan pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian serius. Salah satu cabaran utama adalah dari aspek perundangan dan Penguatkuasaan undang-undang. Sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak dilaksanakan dengan tegas dan konsisten ianya akan membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Hal yang demikian menyebabkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem pentadbiran turut terjejas.

Selain itu, kurangnya pendidikan nilai Islam dalam kalangan penjawat awam juga memberi impak besar, di mana ramai yang gagal membuat keputusan yang berasaskan syariah dan akhlak. Ini menyebabkan budaya pentadbiran yang tidak selari dengan nilai-nilai Islam dan merosakkan integriti dalam pemerintahan.

Akhir sekali, pemantauan yang lemah dalam pentadbiran Islam menjadikan salah laku sukar dikesan dan ditangani. Mekanisme pemantauan yang tidak efektif membolehkan penyelewengan berlaku tanpa disedari, merosakkan integriti dan amanah dalam pentadbiran.

Langkah Strategik Memperkukuh Integriti

Bagi memastikan pentadbiran Islam kekal berwibawa dan bebas rasuah, beberapa langkah strategik perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Pertama, aspek perundangan dan penguatkuasaan perlu diperkuatkan dengan mengkaji semula undang-undang yang berkaitan integriti agar selari dengan maqasid syariah serta keperluan semasa. Penguatkuasaan undang-undang juga perlu dilaksanakan secara tegas, adil, dan tanpa pilih kasih bagi memastikan sebarang penyelewengan dapat dibanteras dengan berkesan.

Kedua, pendidikan dan latihan nilai yang lebih mendalam harus diberikan, dengan menggabungkan kursus teknikal bersama pengisian rohani dan akhlak Islam, termasuk nilai-nilai seperti siddiq, amanah, tabligh, dan fatanah. Konsep hisbah serta tanggungjawab akhirat juga perlu disemai dalam jiwa penjawat awam agar mereka memahami betul makna sebenar amanah dan kepimpinan dalam Islam.

Seterusnya, pemantauan dan kawal selia perlu diperkuatkan dengan mengaktifkan audit dalaman, jawatankuasa integriti, dan badan bebas seperti ombudsman yang berfungsi dengan telus dan berkala. Pemantauan yang efektif akan membantu mencegah penyelewengan sejak awal dan memastikan setiap keputusan serta tindakan pentadbiran boleh disemak dengan objektif.

Akhir sekali, pentadbiran Islam perlu merujuk model kepimpinan Rasulullah SAW dan para Khulafa' al-Rashidin, yang mengutamakan prinsip kejujuran, keadilan, dan keberanian dalam menegakkan kebenaran. Kepimpinan Baginda SAW adalah contoh terbaik yang tidak hanya menekankan aspek spiritual tetapi juga pengurusan sumber, keadilan sosial, dan hubungan yang baik dengan rakyat.

Kesimpulan

Integriti dan amanah adalah tanggungjawab agama dan moral dalam pentadbiran Islam. Apabila sistem pemantauan diperkuat, pendidikan integriti ditingkatkan, dan prinsip keadilan ditegakkan, maka pentadbiran Islam bukan sahaja mencapai keberkatan, malah memperkukuh kepercayaan rakyat.

Pentadbiran Islam perlu membina sistem yang telus, bertanggungjawab, dan berdaya tahan, selaras dengan konsep Maqasid Syariah yang menekankan lima perkara penting: menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Ini adalah asas kepada negara yang makmur dan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

TEKNOLOGI DAN DIGITALISASI: PELUANG ATAU ANCAMAN KEPADA UMMAH?



Oleh :

Nurul Widyamirza binti Sujan @ Jan

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penerbitan JAKIM

“The real danger is not that computers will begin to think like men, but that men will begin to think like computers.” - Sydney J. Harris (1917-1986)

Konotasi tulisan seorang wartawan dan penulis terkenal Amerika Syarikat yang hidup sekitar 10 dekad yang lalu ini telah menarik perhatian kita. Dalam kekalutan barat mengejar kecanggihan teknologi dan menjadikan digitalisasi seumpama kiblat bagi mengukur kemajuan sesebuah negara, kenyataan ini seperti membuktikan sedar dan menzahirkan amaran kepada kita tentang bahaya yang hadir bersama perkembangan teknologi tersebut. Hal ini bukanlah apabila komputer menjadi secerdik manusia, tetapi sebaliknya apabila manusia mula berfikir secara mekanikal, hilang fitrah kemanusiaan melalui pemikiran yang kaku, tanpa nilai, emosi dan pertimbangan moral seumpama komputer. Beliau mengajak kita agar tidak kehilangan sifat-sifat insani dalam era teknologi, digitalisasi dan kecerdasan buatan, *Artificial Intelligence* (AI) ini. Allah SWT menjelaskan hakikat ini melalui firman-Nya dalam surah al-Araf ayat 179 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Ayat ini menegaskan bahawa manusia yang tidak menggunakan akal dan hati dengan benar akan tersesat, malah lebih buruk daripada haiwan ternakan. Jika manusia meniru cara komputer yang dicipta tanpa nilai, belas kasihan dan roh, maka itu bukanlah tanda kemajuan yang sebenar sebaliknya, ia mencerminkan kemunduran rohani akibat pemikiran yang terpisah daripada wahyu, nilai akhlak yang semakin terhakis serta ketandusan hikmah dalam mengurus kecanggihan teknologi tanpa panduan ilahi. Teknologi harus menjadi alat bantu, bukan menggantikan ciri-ciri insaniah seperti empati, akhlak dan hikmah. Bagi menjelaskan hakikat ini, al-Quran menyeru agar manusia berfikir dengan hati, bukan hanya dengan logik akal semata-mata selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, ayat 46 yang bermaksud:

“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada”

Istilah teknologi berasal daripada gabungan perkataan Yunani *techne* (seni atau kerja tangan) dan *logos* (wacana atau kajian sistematik), merujuk kepada ilmu bersifat praktikal. Maksud ini berbeza dengan sains yang lebih bersifat teoretikal (Fisher, R.B., 1975). Dalam tradisi Islam, teknologi dikenali sebagai *san'at*, merujuk kepada seni, kraf dan pertukangan tangan yang kini juga membawa maksud teknologi moden. Teknologi berkait rapat dengan *sina'at* (ilmu gunaan) apabila melibatkan pengetahuan tentang pembuatan dan pengeluaran sesuatu. Menurut al-Jurjani, ilmu yang tidak berkaitan dengan amalan praktikal dipanggil 'ilm, manakala ilmu yang digunakan untuk tujuan amali disebut *sina'at*. Teknologi juga dikenali sebagai *handasat* jika melibatkan senibina dan kejuruteraan, manakala pembangunan berasaskan teknologi dinamakan 'umran (Rosenthal, F., 1978). Islam melihat teknologi sebagai alat atau wasilah yang boleh digunakan untuk manfaat atau mudarat, bergantung kepada niat dan penggunaannya. Pengurusan dan pengelolaan teknologi harus sejajar dengan prinsip-prinsip maqasid al-syariah untuk menjaga agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Malah, Islam menjadikannya sebagai sebuah 'kekuatan yang perlu disiapsiagakan' selaras dengan prinsip-prinsip syarak seperti mana maksud firman Allah SWT melalui surah al-Anfal, ayat 60:

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang mencero) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan..."

Bidang Teknologi	Contoh Teknologi
01 Komunikasi	Telefon pintar, WhatsApp, Telegram, Zoom, Google Meet
02 Maklumat <i>Information and Communication Technology (ICT)</i>	Komputer, Internet, Google Drive, Microsoft Office, Canva, AI tools
03 Kewangan <i>Financial Technology (Fintech)</i>	E-wallet (Touch n Go, Boost), Maybank2u, CIMB Clicks, Mesin ATM, Near Field Communication (NFC) Payment
04 Pendidikan <i>Educational Technology (EdTech)</i>	Google Classroom, Zoom, E-book, Perpustakaan digital, Kahoot,
05 Perubatan <i>Medical Technology (MedTech)</i>	Mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI)/ Computed Tomography (CT) scan, Teleperubatan, MySejahtera, Apple Health, smartwatch kesihatan
06 Rumah Pintar, (Smart Home)	Lampu automatik, Kamera keselamatan digital, Google Assistant,
07 Agama / Dakwah <i>Religio-Tech)/(Techno-Da'wah)</i>	Aplikasi al-Quran digital, YouTube ceramah agama, Sistem kutipan zakat online

Digitalisasi pula merupakan proses transformasi maklumat, perkhidmatan, operasi, sistem dan aktiviti dengan memanfaatkan teknologi digital bagi mewujudkan persekitaran yang lebih terhubung, berasaskan data, serba boleh dan cekap. Ia melibatkan penukaran data analog kepada format digital yang memudahkan pengurusan maklumat secara piawai menggunakan teknologi untuk meningkatkan kecekapan, capaian dan automasi dalam pelbagai aspek kehidupan (Patel, S., 2023) seperti pentadbiran, pendidikan, perniagaan dan dakwah selaras dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan nilai-nilai etika dan syariah (Qadri, H. M. U. D. & Malik, F. A., 2024). Proses ini bukan bersifat sekali sahaja, sebaliknya memerlukan inovasi berterusan dan pengurusan strategik yang konsisten bagi memastikan keberkesanan jangka panjang. Sebagai contoh buku teks digantikan dengan e-book, permohonan MyKAD, cukai atau lesen dilakukan melalui portal dalam talian seperti MyGov atau JPJ eBid, pembayaran tanpa tunai menggunakan e-wallet, e-invois, aplikasi al-Quran digital, ceramah agama melalui Youtube, kutipan zakat dan wakaf secara dalam talian, sumbangan masjid dikutip melalui perbankan digital dan sebagainya.

Hubungan antara teknologi dan digital amat erat kerana teknologi digital bukan sahaja merupakan cabang utama dalam evolusi teknologi moden, malah menjadi teras kepada transformasi pelbagai sektor seperti pendidikan, kewangan, komunikasi dan pentadbiran. Teknologi digital menumpukan kepada penggunaan data binari dan sistem berasaskan komputer untuk memproses, menyimpan dan menyebarkan maklumat dengan pantas dan cekap. Namun, perkembangan pesat ini juga menimbulkan cabaran seperti kehilangan nilai kemanusiaan, ketidakseimbangan digital dan risiko keselamatan maklumat jika tidak dikawal dengan pendekatan beretika dan berteraskan nilai. Maka, teknologi digital perlu dilengkapi dengan panduan spiritual dan moral agar manfaatnya menyumbang kepada kemaslahatan insan secara menyeluruh.

Jika dikaji dari lensa manfaat dan mudarat, teknologi dan digitalisasi ini ibarat pisau; ia boleh menjadi alat yang bermanfaat jika digunakan dengan baik atau berbahaya jika disalahgunakan. Imam al-Ghazali ada menegaskan bahawa "Ilmu tanpa amal adalah kegilaan dan amal tanpa ilmu adalah sia-sia" (Khasawneh, O. M., et. al., 2022). Maka, dalam dunia yang sedang dikuasai oleh teknologi ini timbul persoalan, adakah kemajuan digital membawa lebih banyak peluang atau sebenarnya menimbulkan ancaman terhadap ummah? Apakah parameter yang boleh digunakan untuk membuat pertimbangan terhadap persoalan ini? Sejauh mana Islam memutuskan pertimbangan yang wajar dalam menguruskan perkara ini?

Kemajuan teknologi dan digitalisasi telah membawa impak besar terhadap kehidupan masyarakat global, termasuk umat Islam. Teknologi kini menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian daripada komunikasi, pendidikan, perniagaan, hiburan hingga menyentuh hal ehwal keagamaan. Namun, sejauh manakah teknologi ini membawa kebaikan kepada ummah? Apakah risiko yang boleh mengancam agama, akhlak dan nilai-nilai Islam jika teknologi tidak dikawal?



Teknologi sebagai Peluang kepada Ummah

Teknologi yang digunakan dengan bijak mampu membawa banyak manfaat kepada umat Islam, terutamanya dalam aspek dakwah, pendidikan dan ekonomi.

Peluang Dakwah dan Penyebaran Ilmu

Teknologi membuka ruang yang luas untuk umat Islam berdakwah secara global. Media sosial, aplikasi Islamik dan platform video multimedia membolehkan para pendakwah menyebarkan ilmu kepada masyarakat di seluruh dunia. Sebagai contoh, pengaplikasian teknologi digital yang telah dimanfaatkan oleh pendakwah terkenal di media sosial hari ini, Ustaz Abdul Somad, seorang pendakwah Indonesia yang aktif di platform seperti YouTube dan Instagram dengan jutaan pengikut yang mengakses ceramah dan kuliah beliau setiap hari. Begitu juga Mufti Ismail Menk dari Zimbabwe mempunyai pengikut yang ramai di media sosial termasuk YouTube dan Twitter sebagai platform menyampaikan mesej-mesej Islam kepada jutaan umat manusia di seluruh dunia. Dr. Zakir Naik juga merupakan pendakwah muslim yang terkenal dengan ceramah-ceramah yang disebarikan melalui saluran seperti Peace TV dan platform-platform media sosial yang lain. Dalam aspek perisian, Aplikasi Muslim Pro contohnya, merupakan aplikasi yang menyediakan waktu solat, arah kiblat dan bacaan al-Quran. Sehingga kini, aplikasi ini telah dimuat turun lebih daripada 98 juta kali di seluruh dunia.


Jumlah pengikut yang besar ini membuktikan bahawa teknologi dapat digunakan secara efektif untuk menyebarkan dakwah dan ilmu agama. Begitu juga, populariti aplikasi seperti Muslim Pro mencerminkan keperluan dan minat umat Islam terhadap alat digital yang dapat membantu masyarakat menjalankan ibadah seharian. Hakikat ini menunjukkan bahawa teknologi dapat menjadi alat yang signifikan dan kuat dalam memelihara dan menyebarkan agama selaras dengan prinsip *Hifz ad-Din wa al-'Aql* dalam prinsip Maqasid al-Syariah. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125 serta hadis Rasulullah SAW yang menjadi tunjang utama kepada kewajipan untuk berdakwah adalah selari dengan kaedah fiqh “ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب” -sesuatu perkara wajib tidak akan sempurna melainkan dengannya, maka perkara itu turut menjadi wajib”, sebagai mana maksud berikut:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik.” (Surah al- Nahl, 125).

Rasulullah SAW bersabda: “Sampaikan daripadaku walaupun satu ayat.” (Hadis Riwayat al-Bukhari).

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa setiap medium yang dapat menyampaikan kebaikan kepada masyarakat termasuk teknologi, harus dimanfaatkan bagi tujuan dakwah dan penyebaran ilmu (Usman, A. H., et. al., 2024). Ibnu Qayyim al-Jawziyyah turut menekankan bahawa segala sesuatu yang membawa kepada kemaslahatan umat dianggap bertepatan dengan kehendak syariat (Hamid, A. & Putra, D., 2021). Sarjana Barat turut mengiktiraf perkara ini seperti Marshall McLuhan, ahli teori media terkenal yang berpendapat bahawa teknologi adalah *extension of man capabilities*. Menurut beliau, teknologi boleh menjadi saluran berkesan untuk menyebarkan nilai murni jika digunakan dengan bijak (McLuhan, M., 2010). Tidak ketinggalan penulis-penulis barat yang mengkaji sejarah Islam turut menegaskan bahawa dunia digital memberi peluang kepada umat Islam untuk membetulkan salah faham tentang Islam dan menyebarkan mesej sebenar yang membawa kepada keharmonian (Khan, S. O., et. al., 2024).





Peluang Pendidikan dan Peningkatan Ilmu

Pendidikan digital memudahkan umat Islam menimba ilmu tanpa batasan geografi. Pelbagai platform kini menawarkan pendidikan Islam secara maya. Contohnya, AlMaghrib Institute (<https://www.almaghrib.org/>), sebuah institusi pendidikan Islam yang menawarkan kursus dalam talian dan telah melatih lebih daripada 80,000 pelajar di lebih 40 bandar di seluruh dunia. Begitu juga Duolingo (<https://www.duolingo.com/>), sebuah aplikasi pembelajaran bahasa yang menawarkan kursus Bahasa Arab dan telah dimuat turun lebih daripada 500 juta kali, membantu pengguna mempelajari bahasa al-Quran. Penggunaan platform pendidikan dalam talian dan aplikasi pembelajaran bahasa menunjukkan bahawa teknologi dapat meningkatkan akses kepada ilmu pengetahuan dan pendidikan agama. Hal ini selaras dengan prinsip *Hifz al-'Aql wa al-Nasb* dalam Maqasid al-Syariah yang menekankan kepentingan memelihara akal melalui ilmu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Zumar ayat 9 di samping sabda Rasulullah SAW selaras dengan kaedah fiqh "درء المفاسد مقدم على جلب المصالح - menolak kemudaratan lebih utama daripada menarik manfaat" dalam perkara ini bermaksud:

"(Engkaulah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dan tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna" (Surah al-Zumar, 9).

Rasulullah SAW bersabda: "Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim." (Hadis Riwayat Muslim).



Para cendekiawan berpendapat bahawa teknologi adalah alat yang harus digunakan untuk mencapai objektif pendidikan Islam yang lebih luas. Syeikh Yusuf al-Qaradawi pula menyokong pemanfaatan teknologi dalam pendidikan asalkan tidak bercanggah dengan prinsip Islam (Kadir, F. K. A., 2016). Beberapa orang Sarjana Barat turut berhujah mengenai ini contohnya Nicholas Carr, penulis buku *The Shallows*, menegaskan bahawa teknologi boleh meningkatkan keupayaan minda manusia jika digunakan dengan bijak (Rousi, R. & Renko, R. 2020). Selain itu, Clay Shirky, seorang pakar komunikasi digital berpendapat bahawa internet adalah platform yang berkuasa untuk mempelbagaikan akses kepada ilmu pengetahuan yang bermanfaat (Shirky, C. 2024).



Peluang Ekonomi

Teknologi digital turut menawarkan peluang yang luas kepada usahawan muslim untuk mempromosi dan memasarkan produk halal serta memajukan perniagaan secara global. Tijarah Hub (<https://tjarahahub.com/>) contohnya, merupakan platform e-dagang yang menyediakan pasaran khas untuk produk halal yang berlandaskan syariah. Platform ini membantu usahawan muslim mencapai pelanggan yang lebih luas. Portal Halal Malaysia (www.halal.gov.my), pula ada membolehkan semakan status halal produk/ premis, melayari Sistem Permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (MYeHalal), mendapatkan maklumat berkaitan pensijilan halal serta berita terkini mengenai halal. Aplikasi SalamWeb (<https://salamweb-browser.en.softonic.com/>) juga yang berperanan sebagai menyemak imbas (*browser*) mesra muslim yang dibangunkan dengan ciri kawalan kandungan berlandaskan nilai Islam. Contoh-contoh yang diberikan ini membuktikan bahawa teknologi digital mampu memperkasakan usahawan muslim untuk bersaing dalam ekonomi global tanpa melanggar prinsip syariah. Hal ini selaras dengan prinsip *Hifz Al-Mal* (memelihara harta) dalam Maqasid al-Syariah iaitu "الأصل في الأشياء الإباحة ما لم يدل دليل على تحريمه" - hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus selagi tiada dalil yang mengharamkannya. Kaedah fiqh ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

"...Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba" (Surah al-Baqarah, 275)



Para ilmuan Islam menegaskan bahawa inovasi dalam bidang ekonomi dan teknologi adalah penting untuk memastikan kestabilan umat Islam dan kemajuan tamadun. Pengembangan perniagaan melalui teknologi digital boleh membuka manfaat yang lebih besar sekiranya menepati prinsip keadilan, kejujuran dan bebas daripada unsur riba dan *gharar*. Jack Ma, pengasas Alibaba, menekankan bahawa model e-dagang boleh menjadi platform yang adil dan terbuka untuk semua peniaga (Yun, J. J., et. al., 2020). Peniaga-peniaga muslim haruslah bijak mengambil peluang ini lebih-lebih lagi dalam melaksanakan jihad ekonomi memakmurkan persekitaran perniagaan dengan produk-produk halal.

Teknologi sebagai Ancaman kepada Ummah

Walaupun teknologi dan pendigitalan menawarkan banyak peluang, 'makhluk Allah SWT' ini juga berpotensi membawa ancaman besar jika disalahgunakan lebih-lebih lagi apabila menyalahi prinsip-prinsip dan nilai agama. Antara cabaran utama yang dihadapi umat Islam ialah penyebaran fitnah, kemerosotan akhlak dan serangan pemikiran.

Ancaman Fitnah dan Penyebaran Maklumat Palsu

Media sosial sering kali menjadi medium yang sering disalahgunakan untuk menyebarkan fitnah, berita palsu dan provokasi yang mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat. Menurut Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching, sebanyak 10,167 akaun palsu dan 130 kandungan berunsur fitnah telah diturunkan oleh penyedia perkhidmatan sejak tahun 2022 hingga 1 Mac 2025. Empat laman sesawang berunsur hasutan dan satu laman sesawang fitnah telah dikenakan sekatan. Bagi isu berkaitan 3R (*Race, Religion, Royalty*), sebanyak 6,911 kandungan jelik berkaitan isu ini telah dikenakan tindakan penurunan. Dari sudut penguatkuasaan pula, 196 kes 3R disiasat (<https://berita.rtm.gov.my/nasional/>).


Begitu juga fenomena Deepfake, yang menggunakan teknologi AI untuk memalsukan ucapan atau tindakan individu telah mencetuskan kebimbangan global terhadap penyebaran maklumat palsu. Dari Januari hingga Ogos 2024, 454 kes penipuan menggunakan taktik 'deepfake' direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), membabitkan kerugian mencecah RM2.72 juta. 4,219 kes penipuan dalam talian (fraud) dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan CSM yang turut membabitkan 'deepfake', angka tertinggi daripada keseluruhan 6,209 insiden keselamatan yang dilaporkan (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>).


Hal ini telah berlaku secara berleluasa malah telah menimbulkan kekeliruan dan persengketaan sekali gus mengancam prinsip *Hifz al-Din* dan *al-'Ird* (memelihara agama dan maruah) dalam Maqasid al-Syariah. Dalam menanggapi isu ini, kaedah fiqh "الضرر يزال" - kemudahan mesti dihapuskan, amat relevan diaplikasikan khususnya apabila melibatkan pelanggaran hak-hak dan prinsip Islam seumpama ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 6 serta sabda Rasulullah SAW mengenai perkara ini amat jelas:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepadamu seorang fasik membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya" (Surah al-Hujurat, 6)

Rasulullah SAW bersabda: "Cukuplah seseorang itu dikira pendusta apabila dia menceritakan setiap perkara yang dia dengar." (Hadis Riwayat Muslim)

Para ilmuan Islam sering kali menegaskan bahawa penyebaran fitnah adalah antara dosa besar yang perlu dielakkan kerana ia menjejaskan perpaduan masyarakat. Noam Chomsky, ahli linguistik dan pengkritik media terkenal turut memberi peringatan bahawa media digital yang tidak dikawal boleh menjadi alat manipulasi yang berbahaya jika fakta diputarbelitkan (Herman, E. S. & Chomsky, N., 2010).





Ancaman Kemerosotan Akhlak dan Nilai Moral

Penyalahgunaan teknologi boleh menggalakkan budaya hedonisme, kandungan tidak bermoral dan pengaruh negatif yang merosakkan nilai akhlak umat Islam. Contohnya, TikTok dengan lebih daripada 3.5 bilion muat turun, sering dikaitkan dengan kandungan yang tidak sopan dan tidak sesuai bagi remaja muslim jika tidak dipantau. Budaya 'flex culture' yang mempromosikan kemewahan, pergaulan bebas dan gaya hidup berlebihan kerap mengakibatkan kecenderungan umat Islam terhadap nilai materialisme yang melampau. Kemerosotan akhlak yang dipengaruhi oleh kandungan digital yang tidak bermoral boleh merosakkan prinsip *Hifz an-Nasb* (memelihara keturunan) dan *Hifz al-'Aql* (memelihara akal). Kaedah fiqh telah jelas berhubung perkara ini "سد الذرائع" - menutup jalan yang boleh membawa kepada keburukan. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya di antara perkara yang didapatkan manusia dari perkataan Nabi ialah; Jika kamu tidak malu, buatlah apa yang kamu mahu" (Hadis Riwayat Bukhari)

Sarjana Islam seperti Ibnu Qayyim menegaskan bahawa sebarang perkara yang merosakkan akhlak dan hati harus dielakkan walaupun pada awalnya hal tersebut tampak sebagai hiburan (Satriawan, L. A. 2022). Jean Baudrillard, ahli falsafah media Perancis turut memberi amaran bahawa teknologi hiburan boleh menimbulkan budaya konsumerisme berlebihan yang merosakkan nilai spiritual dan moral (Smook, E. 2024).

Ancaman Serangan Pemikiran dan Ideologi

Teknologi turut menjadi medium utama penyebaran ideologi liberalisme, sekularisme dan fahaman songsang yang bercanggah dengan prinsip Islam. Penyebaran agenda LGBTQ+, feminisme ekstrem dan propaganda yang menormalisasikan budaya bertentangan dengan Islam kini semakin berleluasa melalui platform media sosial dan penstriman digital. Serangan ideologi ini mengancam prinsip *Hifz ad-Din* (memelihara agama) dengan menanam pemikiran yang bertentangan dengan nilai Islam. Kaedah fiqh "ما أدى إلى الحرام فهو حرام" - sesuatu yang membawa kepada keharaman, maka ia turut menjadi haram, amat relevan dan jelas untuk menghadapi ancaman ini malah turut selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36 yang bermaksud:

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya" (Surah al-Isra', 36).

Kesimpulan

Teknologi dan digitalisasi membawa potensi besar kepada umat Islam jika dimanfaatkan secara beretika dan berpandukan prinsip Maqasid al-Syariah dengan mengambil kira kaedahkaedah fiqh yang telah digariskan. Dengan penggunaan yang betul, teknologi dapat memperkasakan dakwah, memperluaskan peluang pendidikan dan meningkatkan ekonomi umat Islam.

Namun demikian, umat Islam tidak boleh memandang ringan akan ancaman yang berpunca daripada penyalahgunaan teknologi seperti penyebaran fitnah, keruntuhan akhlak dan serangan ideologi sesat. Oleh itu, umat Islam diseru agar menjadi pengguna teknologi yang bijak, beretika dan berlandaskan nilai-nilai Islam. Pendekatan yang menyeimbangkan manfaat (*maslahah*) dan menolak keburukan (*mafsadah*) adalah kunci utama bagi memastikan teknologi benar-benar menjadi alat yang memperkasa ummah dan mengangkat martabat Islam dalam era digital ini.

Umat Islam, organisasi Islam dan pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting bagi memastikan keseimbangan wujud antara manfaat teknologi dan ancaman yang lahir daripadanya. Langkah-langkah berikut perlu diambil bagi memastikan kemajuan teknologi selari dengan nilai Islam dan kepentingan ummah:

Kumpulan Masyarakat

Umat Islam

Peranan

Peningkatan Literasi Digital Berlandaskan Nilai Islam. Umat Islam perlu memahami cara menggunakan teknologi dengan bijak dan beretika. Ini termasuk menapis maklumat, mengelakkan fitnah dan provokasi, serta menggunakan platform digital untuk menyebarkan kebaikan.

Memperkuh Identiti Islam di Alam Maya. Setiap individu muslim harus memainkan peranan dalam mempertahankan nilai Islam secara aktif di ruang digital dengan menyebarkan kandungan bermanfaat, mendukung dakwah yang sahih, dan menolak ideologi yang bercanggah dengan akidah.

Amalan Kawalan Kendiri dan Beretika. Umat Islam perlu mengamalkan prinsip muraqabah (kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi) untuk mengawal diri daripada kandungan yang melalaikan, berunsur maksiat, atau merosakkan akhlak.

Kumpulan Masyarakat

Organisasi Islam

Peranan

Pembangunan Platform Digital Berlandaskan Syariah. Organisasi Islam diseru agar membangunkan lebih banyak aplikasi, laman web, dan media sosial yang berfokus pada kandungan Islamik yang sahih dan berlandaskan nilai syariah.

Latihan dan Pendidikan Digital. Institusi pendidikan Islam dan organisasi dakwah harus menyediakan kursus literasi digital kepada pendakwah, guru dan belia muslim agar mereka mampu menggunakan teknologi secara efektif untuk menyebarkan dakwah dan melindungi diri daripada pengaruh negatif.

Pemantauan dan Bimbingan Etika Digital. Organisasi Islam perlu bekerjasama dengan pakar teknologi bagi menyediakan garis panduan etika digital yang berpandukan syariah.

Kumpulan Masyarakat

Kerajaan

Peranan

Penggubalan Polisi dan Undang-Undang Berasaskan Nilai Islam. Kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam menggubal dasar teknologi yang menyeimbangkan pembangunan digital dengan perlindungan terhadap nilai Islam dan moral masyarakat.

Sokongan terhadap Usahawan Digital Muslim. Kerajaan diseru agar memperkenalkan dan mempergiatkan inisiatif sokongan kepada perniagaan berlandaskan syariah melalui insentif, geran khas dan program latihan untuk membolehkan usahawan muslim bersaing dalam pasaran digital global.

Penapisan Kandungan Digital Berbahaya. Kerajaan wajar memperkuh kerjasama dengan syarikat teknologi bagi menapis kandungan digital yang berunsur ekstremisme, pornografi, dan maklumat yang mencetuskan kebencian serta mengancam keharmonian masyarakat.

Khulasah *al-Qaul*, teknologi dan digitalisasi adalah pedang bermata dua yang mampu menjadi pemangkin kepada kemajuan ummah jika dimanfaatkan secara berhemah namun, 'makhluk Allah SWT) ini juga berpotensi menimbulkan ancaman jika disalahgunakan. Dalam menyeimbangkan antara peluang dan ancaman ini, umat Islam perlu bersikap proaktif dengan memanfaatkan teknologi sebagai alat yang memperkuh nilai agama dan kemajuan sosial. Organisasi Islam dan pihak kerajaan pula mesti memainkan peranan aktif dalam membangunkan dasar, platform dan bimbingan etika digital yang berpandukan prinsip Islam.

"Ilmu tanpa amal adalah kegilaan dan amal tanpa ilmu adalah sia-sia."

Maka, dengan berpandukan wahyu ilahi dan ajaran Rasulullah SAW, kemajuan teknologi perlu dijadikan landasan untuk menegakkan kebenaran, keadilan dan kemuliaan Islam di pentas teknologi dan dunia digital. Inilah yang dimaksudkan dengan kemajuan yang hakiki. Sebagai mana ditegaskan oleh Imam Al-Ghazali,

Rujukan:

- Rosenthal, F., *The Classical Heritage in Islam, London, 1978*. Melalui Hairudin Harun, Daripada Sains Yunani kepada Sains Islam, Universiti Malaya, 1992, h. 8.
- Fisher, R.B., *Science, Man and Society, London, 1975*, h. 75-79; Melalui Hairudin Harun, Daripada Sains Yunani Kepada Sains Islam, Universiti Malaya, 1992, h. 8
- Patel, S. 2023. Dynamic Innovations in Power Sector Digitalization. *Power* 167(6): 18-20.
- Qadri, H. M. U. D. & Malik, F. A. 2024. Emergence of Islamic Digital Economy. Dlm. (pnyt.). *Islamic Finance in the Modern Era: Digitalization, FinTech and Social Finance*, hlm. 12-25.
- Khasawneh, O. M., Mosta, I. I. & Rawagah, H. G. 2022. Educational Philosophical Thought and Implication of Abu Hamid Al-Ghazali: An Islamic Teacher Education Perspective. *International Journal of Religion and Spirituality in Society* 12(1): 115-132
- Usman, A. H., Noor, U. M. & Abdullah, M. F. R. 2024. ISLĀH OF AL-GHAZĀLĪ'S IDEAS AND MOVEMENTS AND THEIR RELEVANCE TO CONTEMPORARY ISLAMIC PREACHING. *Uloomuna* 28(1): 453-484.
- Hamid, A. & Putra, D. 2021. The Existence of New Direction in Islamic Law Reform Based on The Construction of Ibnu Qayyim al-Jauziyah's Thought. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah* 20(2): 247-257.
- Mcluhan, M. 2010. The Medium is the Message (1964). Dlm. (pnyt.). *Crime and Media: A Reader*, hlm. 20-31.
- Khan, S. O., Ghafourian, T. & Patil, S. 2024. Targets of Weaponized Islamophobia: The Impact of Misinformation on the Online Practices of Muslims in the United States. *Proceedings of the ACM on Human-Computer Interaction* 8(CSCW1):
- Kadir, F. K. A., Adam, F., Embong, R., Salamun, H., Yusoff, Z. & Ismail, D. 2016. Misconceptions of bidah in muslim society. *Social Sciences (Pakistan)* 11(24): 5855-5858.
- Rousi, R. & Renko, R. 2020. Emotions toward cognitive enhancement technologies and the body – Attitudes and willingness to use. *International Journal of Human Computer Studies* 143
- Shirky, C. 2024. The end of audience. Dlm. (pnyt.). *Media Theory for a Level: the Essential Revision Guide*, hlm. 261-274.
- Yun, J. J., Zhao, X., Park, K. B. & Shi, L. 2020. Sustainability condition of open innovation: Dynamic growth of alibaba from SME to large enterprise. *Sustainability (Switzerland)* 12(11)
- Herman, E. S. & Chomsky, N. 2010. A Propaganda Model (1988). Dlm. (pnyt.). *Crime and Media: A Reader*, hlm. 32-43.
- Satriawan, L. A. 2022. The Contribution of Ibn Qayyim al-Jawziyya to Salafi Sufisms. *Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* 12(1): 71-96.
- Smook, E. 2024. The loss of authentic being in the context of the consumer paradigm. *South African Journal of Philosophy* 43(3): 223-235.



Promosi Sejuta Al-Quran **RM38**/SENASKAH



BANK ISLAM

16018010019680

Yayasan Waqaf Malaysia

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah YWM

Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat emel:
info@ywm.gov.my / WhatsApp: 019-2007481



Yayasan Waqaf Malaysia
www.ywm.gov.my

PELUANG BERIBADAH MELALUI KEMPEN SOLIDARITI SEJUTA AL-QURAN

Firman Allah SWT melalui surah Ali Imran, ayat-2 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskah al-Quran sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweden.
- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencadok sejuta naskhah al-Quran bertujuan diadakan ke seluruh dunia.
- Jam kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk berolah & menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam. Barakallahufikun.